6.	BAPF	<i>Expanding access to sodium-glucose cotransporter 2 inhibitors (SGLT2i) in the Ministry of Health Malaysia - a multiple HTA approach</i>	<i>Choo, C. S. B., Yong, Y. V., Chandriah, H., & Ahmad, N. S. (2024). Expanding access to sodium-glucose cotransporter 2 inhibitors (SGLT2i) in the Ministry of Health Malaysia - a multiple HTA approach. International Journal of Technology Assessment in Health Care, 40(1), e69</i>	Coleen Choo Siew Bee, Yong Yee Vern, Haarathi Chandriah, Nur Sufiza Ahmad
7.	BAPF	<i>Medicine Prices Monitoring Survey in Malaysia 2022</i>	<i>Technical Report: Pharmaceutical Services Programme, Ministry of Health Malaysia. (2024). Medicine Prices Monitoring Survey in Malaysia 2022</i>	Norhaliza A Halim, Wan Noraimi Wan Ibrahim, Fatkhiah Khalil, Saliza Ibrahim, Wan Nor Ashikin Wan Ibrahim, Nurul Hanani Mohamad Nordin, Akrimi Najihah Mohd Khamil, Nurliyana Najwa Md Razip

Senarai pembentangan yang telah dibentangkan oleh Pegawai di Ibu Pejabat PPF

The list of presentations presented by officers from the PSP Headquarters

Bil. No.	Tajuk Pembentangan <i>Title of Presentation</i>	Nama Persidangan, Lokasi & Tarikh <i>Conference Name, Location & Date</i>	Nama Pembentang <i>Presenter's Name</i>
1.	<i>Prevalence and Determinants of Unregistered and Falsified Medicinal Products in Malaysia: A Cross-Sectional Study</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Khairul Annuar Abdul Karim, BPF
2.	<i>Insights into Diphenhydramine Cough Syrup Supply in Malaysian Private Healthcare: Compliance and Offences 2020-2022</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Wong Hui Shean, BPF
3.	<i>Retrospective Study of Illegal Medicines Advertisements in Local E-Marketplace Platforms</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Yap Fei Ting, BPF
4.	<i>A Cross-Sectional Study on Non-compliance to Pharmacy Legislations among Retail Pharmacies in Malaysia</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Fauziah Mohamad Ismail, BPF
5.	<i>Pharmacist's Perspectives on Access to New Medicines Listed in the Ministry of Health Medicines Formulary (MOHMF): A Qualitative Study</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Azlina Ismail, BAPF
6.	<i>An Overview Medicines Pooled Procurement in The Public Sector: How Much We Save?</i>	<i>National Pharmacy R&D Conference 2024</i> KSL Esplanade Hotel, Selangor 19-21 Ogos 2024	Saliza Ibrahim, BAPF
7.	<i>Determining the cost elements for reimbursement of pharmaceutical services provided by community pharmacies: A scoping review</i>	<i>1st Journal of Pharmaceutical Policy and Practice – Borneo International Pharmaceutical Conference</i> Borneo Cultures Museum, Sarawak 20-22 September 2024	Nor Ilham Ainaa Muhsin, BDPSF
8.	<i>A Longitudinal Study on the Factors Associated with the Number of Research Publications among Pharmacists in the Ministry of Health Malaysia</i>	<i>1st Journal of Pharmaceutical Policy and Practice – Borneo International Pharmaceutical Conference</i> Borneo Cultures Museum, Sarawak 20-22 September 2024	Tan Yi Huan, BDPSF
9.	<i>Identifying Key Research Gaps in Malaysian Pharmaceutical Services: A Qualitative Thematic Analysis of Stakeholder Insights</i>	<i>1st Journal of Pharmaceutical Policy and Practice – Borneo International Pharmaceutical Conference</i> Borneo Cultures Museum, Sarawak 20-22 September 2024	Ho See Wan, BDPSF
10.	<i>Evaluating the Belt Conveyor Utilization Policy on Waiting Time and Productivity in Outpatient Pharmacies</i>	<i>1st Journal of Pharmaceutical Policy and Practice – Borneo International Pharmaceutical Conference</i> Borneo Cultures Museum, Sarawak 20-22 September 2024	Siti Nur Su'aidah Nasarudin, BDPSF
11.	<i>Impact of Live Data Registry on Diabetes Medication Therapy Adherence Clinic Services in MOH Facilities</i>	<i>Diabetes Asia 2024 Conference</i> Royale Chulan Kuala Lumpur 17-19 October 2024	Nurish Ezzantie Mishan, BAPF

5.0 KOLABORASI DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL COLLABORATION AND PARTICIPATION

MESYUARAT ASEAN MENGENAI ASEAN VACCINE SECURITY AND SELF-RELIANCE (AVSSR): MEMPERKUKUH KESELAMATAN VAKSIN MELALUI KOLABORASI DAN PEMBENTUKAN JAWATANKUASA PEMANDU AVSSR

Mesyuarat ini merupakan kesinambungan daripada Mesyuarat ASEAN Consultative Meeting on AVSSR tahun lalu. Mesyuarat yang diadakan pada 25 September 2024 di Bangkok, Thailand ini telah membincangkan dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai pembentukan Jawatankuasa Pemandu AVSSR (AVSSR Steering Committee) dan tadbir urus berkaitan.

Mesyuarat ini telah dihadiri bersama oleh wakil dari PPF dan Pejabat Projek Vaksin Malaysia (MVPO), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Wakil MVPO telah membentangkan bagi pihak *Malaysia Advancing Vaccine Security in ASEAN: Strategies, Capabilities, and Challenges in Malaysia* manakala wakil PPF telah diberi mandat untuk menjadi Pengerusi Bersama Session 2 and 3: *Advancing Vaccine Security in ASEAN: Strategies, Capabilities, and Challenges*.

Antara faedah yang diperolehi daripada mesyuarat ini adalah kita dapat mengetahui jurang dan kekuatan negara ASEAN bagi membantu dalam pembangunan vaksin negara. Di samping itu, ianya juga menjadi platform jalinan jaringan dengan agensi luar negara bagi memberi peluang belajar dan berkongsi pengalaman untuk menghasilkan vaksin dan perkara berkaitan.



Perwakilan daripada Malaysia bersama wakil-wakil antarabangsa
Representative from Malaysia together with international representatives

ASEAN MEETING ON THE ASEAN VACCINE SECURITY AND SELF-RELIANCE (AVSSR): STRENGTHENING VACCINE SECURITY THROUGH COLLABORATION AND ESTABLISHING THE AVSSR STEERING COMMITTEE

This meeting is a continuation of the ASEAN Consultative Meeting on AVSSR last year. The meeting held on 25 September 2024 in Bangkok, Thailand discussed the establishment and governance of the AVSSR Steering Committee. It also served as a platform for information sharing between ASEAN regional countries with regards to vaccines related issues.

This meeting was attended by the representatives from the PSP and the Malaysian Vaccine Project Office (MVPO), Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). MVPO presented on Malaysia Advancing Vaccine Security in ASEAN: Strategies, Capabilities, and Challenges in Malaysia while the PSP has been mandated to be the co-Chair of Session 2 and 3: Advancing Vaccine Security in ASEAN: Strategies, Capabilities, and Challenges.

Among the benefits obtained from this meeting is that we were able to identify the gaps and strengths of ASEAN countries to help in the development of national vaccines. In addition, it is also a networking platform with foreign agencies to provide opportunities to learn and share experience to produce vaccines and related matters.



LATIHAN AVSSR: PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA VAKSIN UNTUK MENINGKATKAN KAPASITI PEMBANGUNAN DAN PENYEBARAN VAKSIN DI NEGARA-NEGARA ASEAN

AVSSR TRAINING: VACCINE HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT PROGRAMME FOR ENHANCING VACCINE DEVELOPMENT AND DEPLOYMENT CAPACITIES IN ASEAN COUNTRIES

Latihan ini telah dianjurkan bersama oleh *National Vaccine Institute (NVI)* Thailand dengan kerjasama *International Vaccine Institute (IVI)*, *World Bank*, dan Sekretariat ASEAN pada 26 hingga 27 September 2024 di Bangkok Thailand. Ianya bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan negara-negara ASEAN melalui perkongsian pengetahuan mengenai pemindahan teknologi dan amalan terbaik, menganalisis cabaran regulatori untuk memastikan akses yang saksama, memahami penolakan terhadap vaksin dan keyakinan rakyat serta membina kerjasama dan kolaborasi yang mapan antara negara ASEAN.

Latihan ini telah dihadiri oleh wakil daripada PPF, NPRA dan 2 wakil industri farmaseutikal Malaysia. Ianya terdiri daripada kuliah, kajian kes praktikal, dan aktiviti interaktif yang menengahkan topik-topik merangkumi pemindahan teknologi vaksin, daripada proses pembangunan sehingga implikasi perniagaan dan undang-undang; amalan regulatori global, termasuk pengalaman daripada inisiatif perolehan pukal vaksin; komunikasi risiko; dan koordinasi sekuriti kesihatan global. Penceramah dan pemudah cara sesi-sesi ini adalah penceramah daripada IVI dan NVI serta pengeluar vaksin utama di rantau ini seperti PT Bio Farma dan SK Bioscience; gabungan global seperti *CEPI-hosted Regionalized Vaccine Manufacturing Collaborative*; agensi kerajaan termasuk *Korea Disease Control and Prevention Agency*, dan *Duke-NUS Centre of Regulatory Excellence*.

Latihan selama dua hari ini memberikan peluang unik kepada peserta untuk belajar daripada pakar-pakar terkemuka, memupuk dan memperkukuhkan kerjasama sedia ada, yang seterusnya akan membantu memastikan kelestarian pembangunan dan penggunaan vaksin di rantau ASEAN.

This training was jointly organized by the National Vaccine Institute (NVI) Thailand in collaboration with the International Vaccine Institute (IVI), the World Bank, and the ASEAN Secretariat from 26 to 27 September 2024 in Bangkok, Thailand. It aimed to strengthen the capacity of ASEAN countries through knowledge sharing on technology transfer and best practices, analyze regulatory challenges to ensure equitable access, understand vaccine hesitancy and public confidence, and build sustainable cooperation and collaboration among ASEAN countries.

The training consists of lectures, practical case studies, and interactive activities highlighting topics across vaccine technology transfer, from process development to business and legal implications; global regulatory practices, including experiences from pooled procurement initiatives; risk communication; and global health security coordination. Facilitating these sessions are speakers from IVI and NVI as well as key vaccine manufacturers in the region such as PT Bio Farma and SK bioscience; global coalitions such as the CEPI-hosted Regionalized Vaccine Manufacturing Collaborative; government agencies including the Korea Disease Control and Prevention Agency, and the Duke-NUS Centre of Regulatory Excellence.

This two-day training offers participants a unique opportunity to learn from leading experts, fostering future collaboration while strengthening existing partnerships, which will help ensure the sustainability of vaccine development and deployment in the ASEAN region.



Program Pembangunan Sumber Manusia Vaksin untuk Meningkatkan Kapasiti
Pembangunan dan Penyebaran Vaksin di Negara-negara ASEAN
*Vaccine Human Resource Development Program for Enhancing Vaccine
Development and Deployment Capacities in ASEAN Countries*



BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

***PHARMACY PRACTICE AND
DEVELOPMENT DIVISION***


**BILANGAN PERKHIDMATAN FARMASI
PENILAIAN UBAT-UBATAN DI RUMAH**

 NUMBER OF HOME MEDICATION
REVIEW (HMR)

15,428
3,108,390
**BILANGAN PRESKRIPSI SUSULAN YANG
DIDISPENS MELALUI PERKHIDMATAN NILAI
TAMBAH FARMASI**

 NUMBERS OF FOLLOW-UP PRESCRIPTIONS
DISPENSED THROUGH VALUE-ADDED SERVICES

2,095,863
**BILANGAN KAUNSELING
UBAT-UBATAN YANG
DIJALANKAN**

 NUMBER OF MEDICATION
COUNSELLING SESSIONS
CONDUCTED

317,737
**BILANGAN PHARMACOTHERAPY REVIEW YANG
DIJALANKAN BAGI PERKHIDMATAN KLINIK KEPATUHAN
TERHADAP UBAT-UBATAN**

 NUMBER OF PHARMACOTHERAPY REVIEW CONDUCTED IN
MEDICATION THERAPY ADHERENCE CLINIC (MTAC) SERVICES

227
**BILANGAN SESI
WAWANCARA TV
DAN RADIO**

 NUMBER OF TV AND RADIO
INTERVIEW SESSIONS

55
**BILANGAN
ARTIKEL
KESIHATAN**

 NUMBER OF HEALTH
ARTICLES

56
**BILANGAN
INFOGRAFIK
KESIHATAN**

 NUMBER OF HEALTH
INFOGRAPHICS

1,001,585
BILANGAN INTERVENSI PRESKRIPSI PESAKIT LUAR

 NUMBERS OF INTERVENTIONS OF OUT-PATIENT
PRESCRIPTIONS

754,697
BILANGAN INTERVENSI PRESKRIPSI PESAKIT DALAM

 NUMBERS OF INTERVENTIONS OF IN-PATIENT
PRESCRIPTIONS

61,7955,746
BILANGAN PRESKRIPSI PESAKIT LUAR DITERIMA

NUMBER OF OUTPATIENT PRESCRIPTIONS RECEIVED


14,670,664
BILANGAN PRESKRIPSI PESAKIT DALAM DITERIMA

NUMBER OF INPATIENT PRESCRIPTIONS RECEIVED


RM3,455.40 JUTA
PEROLEHAN UBAT-UBATAN KKM (RM)

MOH MEDICINES PROCURED (RM)

RM1,368.80 JUTA
PEROLEHAN BUKAN UBAT KKM (RM)

MOH NON-MEDICINES PROCURED (RM)

16

 entiti kimia baru
new chemical entities

**PENYENARAIAH UBAT BARU KE
DALAM FORMULARI UBAT KKM**

 NEW MEDICINES LISTED
IN THE MOH MEDICINE FORMULARY

RM241.18 JUTA

Fasiliti KKM MOH Facilities

RM269.34 JUTA

 Fasiliti Bukan KKM / Institusi Swasta
Non-MOH Facilities / Private Institution

**KOS PERMOHONAN UBAT
KELULUSAN KHAS YANG
DILULUSKAN**

 COST OF APPROVED
APPLICATIONS FOR
SPECIAL APPROVAL
MEDICINES

26,353
PROGRAM KENALI UBAT ANDA

 KNOW YOUR MEDICINES
PROGRAMME

2,300
**BILANGAN DUTA
KENALI UBAT ANDA**

 NUMBER OF 'KNOW YOUR
MEDICINES' AMBASSADOR

236,382
**BILANGAN
PERTANYAAN UBAT**

 NUMBERS OF DRUG
INFORMATION ENQUIRIES




BAHAGIAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI **PHARMACY PRACTICE AND DEVELOPMENT DIVISION**

1.0 PENGENALAN | INTRODUCTION

Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF) bertanggungjawab memastikan keperolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui amalan farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Malaysia supaya setanding dengan kemajuan perkembangan perkhidmatan farmasi di negara-negara maju. Lima cawangan telah ditubuhkan di bawah pengawasan BAPF, iaitu Penjagaan Farmaseutikal, Pengurusan Harga Ubat, Pengurusan Farmasi Logistik, Pengurusan Ubat Berkualiti dan Pengurusan Formulari.

The Pharmacy Practice and Development Division (BAPF) is responsible for ensuring the quality of drug procurement and usage through effective pharmacy practice in order to improve pharmacy services in Malaysia to be on par with other developed countries. Five branches under the management of BAPF are Pharmaceutical Care, Medicine Pricing Management, Logistic Pharmacy Management, Quality Use of Medicines, and Formulary Management.

Berikut merupakan fungsi utama bagi cawangan dan seksyen di bawah Bahagian A&P Farmasi:

Below are the main functions of branches and section under Pharmacy Practice and Development Division:

CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI LOGISTIK
LOGISTIC PHARMACY
MANAGEMENT BRANCH

Menyelaras dan memantau keperluan dan perbelanjaan peruntukan, kontrak, pembekalan ubat-ubatan, aktiviti kesiapsiagaan dan pengurusan stor di fasiliti KKM dengan memastikan pekeliling, tatacara serta peraturan berkuat kuasa dipatuhi.

Coordinate and monitor allocation requirements and expenses, contracts, medicine supply, preparedness activities and store management at MOH facilities by ensuring that circulars, procedures and regulations in force are complied with.

CAWANGAN PENJAGAAN FARMASEUTIKAL
PHARMACEUTICAL CARE
BRANCH

Merancang, menyelaras, memantau dan memperkasakan aktiviti amalan penjagaan farmaseutikal yang menyeluruh di fasiliti KKM bagi memastikan penggunaan ubat-ubat secara optimum agar dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pesakit.

Plan, coordinate, monitor and empower comprehensive pharmaceutical care practice activities at MOH facilities to ensure the optimal use of medicines in order to improve the quality of service delivery to patients.

CAWANGAN PENGURUSAN FORMULARI
FORMULARY MANAGEMENT
BRANCH

Merancang polisi dan pelan tindakan berkaitan Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia (FUKKM) dan Ubat Kelulusan Khas (UKK) dalam usaha untuk meningkatkan akses terhadap ubat-ubatan bagi rakyat Malaysia.

Plan policies and action plans related to the Ministry of Health Medicines Formulary (MOHMF) and Special Approval Medicines (SAM) in an effort to increase access to medicines for Malaysians.

CAWANGAN PENGGUNAAN UBAT BERKUALITI
QUALITY USE OF MEDICINES
BRANCH

Memberikan pendidikan kepada orang awam berkaitan penggunaan ubat secara berkualiti serta memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan dan kepatuhan pesakit kepada rawatan di dalam komuniti.

Provision of education to the public on quality use of medicines as well as ensuring continuity of care and patient compliance to treatment in the community.

CAWANGAN PENGURUSAN HARGA UBAT
MEDICINES PRICE
MANAGEMENT BRANCH

Mengurus aktiviti pemantauan, analisis dan penetapan harga ubat-ubatan untuk mendapatkan harga patut bagi meningkatkan ketelusan harga ubat di sektor swasta serta perolehan ubat yang menguntungkan kerajaan.

Manage the activities of monitoring, analyzing and setting the price of medicines to get the reasonable price to increase the transparency of medicine prices in the private sector as well as the procurement of medicines that benefit the government.

SEKSYEN KOORDINASI
COORDINATION SECTION

Mengurus, memantau dan menyelaras perihal keperluan peruntukan dan perbelanjaan, latihan, pelaksanaan aktiviti kualiti, pengurusan mesyuarat dan pelan tindakan serta aduan, pertanyaan atau pelaporan yang berkaitan dengan BAPF. Selain menyelaras dan memantau aktiviti Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF).

Manage, monitor, and coordinate matters related to the allocation and expenditure requirements, training, implementation of quality activities, meeting management, action plans, as well as complaints, inquiries, or reports related to the BAPF. In addition to coordinating and monitoring the activities of the Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF).

2.0 AKTIVITI DAN SOROTAN | ACTIVITIES AND HIGHLIGHTS

BENKEL PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY PROGRAMME (MYACPP)

Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) adalah program latihan kompetensi lanjutan yang bertujuan untuk mempertingkatkan kepakaran pegawai farmasi dalam bidang pengkhususan farmasi klinikal dan teknikal. Program ini diperkenalkan pada tahun 2024 sebagai langkah ke arah peningkatan profesionalisma dan kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia.

Sebagai langkah awal, beberapa siri bengkel pembangunan modul latihan telah dilaksanakan pada Februari, April, dan November 2024 di Institut Kesihatan Negara (NIH), yang dihadiri oleh pegawai farmasi lepasan sarjana kedokteran dan pegawai farmasi berpengalaman dalam bidang pengkhususan. Bengkel-bengkel ini telah berjaya menghasilkan modul latihan yang berstruktur serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Melalui bengkel-bengkel ini, lima (5) modul latihan telah dihasilkan yang meliputi bidang pengkhususan Farmasi Kardiologi, *Antimicrobial Stewardship (AMS)*, Farmasi Diabetes, Farmasi Nuklear, dan Farmasi Farmakokinetik Klinikal. Selain itu, lima (5) modul latihan lagi yang masih dalam pembangunan merangkumi bidang Farmasi Pediatrik, Farmasi Respiratori, Farmasi Geriatrik, Farmasi Hemofilia, dan Farmasi Onkologi yang dijangka akan selesai pada Februari 2025.

MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY PROGRAMME (MYACPP) TRAINING MODULES DEVELOPMENT WORKSHOP

The Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) is an advanced competency training program aimed at enhancing the expertise of pharmacists in clinical and technical pharmacy specializations. The program was introduced in 2024 as a step towards improving professionalism and the quality of healthcare in Malaysia.

As an initial step, a series of training module development workshops were held in February, April, and November 2024 at National Institute of Health (NIH), attended by pharmacists with doctoral qualifications and experienced pharmacists in the relevant clinical fields. These workshops successfully produced structured training modules that have received international recognition.

These workshops have resulted in five (5) training modules covering the specializations of Cardiology Pharmacy, Antimicrobial Stewardship (AMS), Diabetes Pharmacy, Nuclear Pharmacy, and Clinical Pharmacokinetics. Additionally, five (5) more training modules are still under development, covering the fields of Pediatric Pharmacy, Respiratory Pharmacy, Geriatric Pharmacy, Hemophilia Pharmacy, and Oncology Pharmacy, which are expected to be completed by February 2025.



Bengkel Pembangunan Modul Latihan *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP)* *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) Training Modules Development Workshop*

BENGKEL INSIGHTS INTO NEW GUIDELINES 2024

Bengkel *Insights into New Guidelines* telah diadakan pada 5 November 2024 di Hotel Sheraton, Petaling Jaya. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Cawangan Pengurusan Formulari dengan kerjasama *Pharmaceutical Association of Malaysia* (PhAMA) dan dihadiri oleh seramai 200 ahli PhAMA.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada ahli PhAMA berhubung perubahan dan prosedur terkini berkaitan permohonan *dossier*, Ubat Kelulusan Khas dan *Medicines Access Schemes* (MASc). Bengkel ini berjaya mencapai matlamatnya dengan memperkukuhkan pemahaman peserta terhadap garis panduan terkini dan proses berkaitan.

INSIGHTS INTO NEW GUIDELINES WORKSHOP 2024

The Insights into New Guidelines workshop was held on 5 November 2024 at the Sheraton Hotel, Petaling Jaya. The workshop was organised by the Formulary Management Branch in collaboration with the Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA), and was attended by 200 PhAMA members.

The primary objective of the workshop was to provide PhAMA members with insights into recent updates and procedures related to dossier submissions, Special Approval Medicines and Medicines Access Schemes (MASc). The workshop successfully achieved its objectives by enhancing participants' understanding of the latest guidelines and related processes.



Bengkel *Insights into New Guidelines 2024*
Insights into New Guidelines Workshop 2024

BENGKEL LATIHAN SIMULASI TABLE TOP BENCANA: PENGURUSAN BEKALAN UBAT 2024 (PHARMDEX)

PharmDEX 2024 yang telah berlangsung pada 13-15 Ogos 2024 di Hotel KSL Esplanade Klang, merupakan sesi latihan dengan pendekatan simulasi *tabletop* bertujuan bagi mengasah kemahiran anggota farmasi untuk berfikir secara kritikal serta membuat keputusan dalam keadaan tekanan sebagai persediaan untuk berhadapan dengan situasi bencana yang sebenar. Bengkel ini adalah sebahagian daripada kolaborasi antara BAPF dan Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk membangunkan rangka kerja pengurusan bekalan farmaseutikal semasa bencana. Aktiviti termasuk latihan simulasi pelbagai ancaman seperti banjir, kemalangan

kimia, dan wabak, bertujuan menilai respons, memperbaiki koordinasi, dan mengenal pasti kelemahan dalam pelan tindakan. Hasilnya, ia berjaya meningkatkan kesedaran, kemahiran, dan keberkesanan pengurusan bencana dalam sektor farmasi.

WORKSHOP ON DISASTER TABLETOP SIMULATION TRAINING: MEDICINE SUPPLY MANAGEMENT 2024 (PHARMDEX)

PharmDEX 2024 held from 13-15 August 2024, at Hotel KSL Esplanade Klang, is a training session with a tabletop simulation approach aiming to hone critical thinking and decision-making skills under duress as preparedness for response during real disaster situations. This workshop is part of a collaboration between the BAPF and the Faculty of Pharmacy, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), to develop a pharmaceutical supply management framework during disasters. Activities included simulation exercises for various threats, such as floods, chemical accidents, and outbreaks, designed to assess responses, improve coordination, and identify weaknesses in action plans. As a result, it successfully increased awareness, skills, and the effectiveness of disaster management in the pharmaceutical sector.



Bengkel Latihan Simulasi Table Top Bencana:
Pengurusan Bekalan Ubat 2024 (PharmDEX)
*Workshop on Disaster Tabletop Simulation Training:
Medicine Supply Management 2024 (PharmDEX)*

CADANGAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMAPARAN HARGA UBAT DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA DAN FARMASI KOMUNITI DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011 [AKTA 723]

Mekanisme Ketelusan Harga Ubat (MKHU) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara pada 3 Oktober 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Beliau mengumumkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan ketelusan harga melalui mekanisme paparan harga bagi membolehkan rakyat mengetahui harga yang perlu dibayar, membuat perbandingan dan pilihan terbaik dalam mendapatkan ubat-ubatan pada harga munasabah dan mampu milik.

Konsultasi awam telah diadakan pada 15 Julai 2024 sehingga 20 Ogos 2024 melalui platform *Unified Public*

Consultation (UPC) untuk meluaskan capaian maklumat kepada pihak berkepentingan serta mendapatkan maklum balas menerusi soal selidik yang dijalankan. UPC ini telah mencapai 6,999 views dan seramai 459 responden memberikan maklum balas. Secara keseluruhan, 76.25% (350/459) bersetuju dengan inisiatif ini yang majoritinya terdiri daripada pengguna/ orang awam dan agensi awam.

Satu sesi libat urus diadakan pada 13 Ogos 2024 di Auditorium JAKIM, Putrajaya melibatkan beberapa pihak berkepentingan seperti pengguna/ pesakit, penyedia insurans, industri farmaseutikal, farmasi komuniti, penyedia perkhidmatan bagi klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, hospital swasta dan lain-lain yang telah dihadiri oleh seramai 472 peserta secara fizikal dan dalam talian. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 63.80% (67/105) peserta bersetuju dengan cadangan inisiatif ini.

Selaras dengan kerjasama strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan KKM bagi pelaksanaan Inisiatif Pemaparan Harga Ubat, satu mesyuarat dasar telah dijalankan pada 11 hingga 13 September 2024 di SCAPES Hotel, Genting Highlands. Mesyuarat ini telah dihadiri 30 wakil daripada Bahagian Undang-undang, Bahagian Dasar dan Bahagian Penguatkuasa daripada kedua-dua kementerian, dan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi), KKM dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa, KPDN untuk menyelaraskan pelaksanaan dan penguatkuasaan. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2025.

PROPOSAL FOR THE IMPLEMENTATION OF MEDICINE PRICE DISPLAY INITIATIVES IN PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND COMMUNITY PHARMACIES UNDER THE PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011 [ACT 723]

The Medicine Price Transparency Mechanism (MKHU) was presented at the National Action Council on Cost of Living meeting, chaired by the Prime Minister on 3 October 2023. The Prime Minister announced the government's commitment to ensuring greater transparency in the sale of medicines through a price display mechanism to enable the public to know the prices they need to pay, compare prices, and make informed decisions to obtain medicines at reasonable and affordable prices.

A public consultation was held from 15 July 2024 to 20 August 2024 via the Unified Public Consultation (UPC) platform to gather broader feedback to the stakeholders through a survey conducted. The UPC received a total of 6,999 views, and 459 respondents provided feedback. Overall, 76.25% of respondents (350/459) agreed with the proposed this initiative, with the majority of those in favour being consumers and public agencies.

An engagement session was held on 13 August 2024 at JAKIM Auditorium, Putrajaya involved various stakeholders, including consumers/ patients, insurance providers, the pharmaceutical industry, community pharmacies, service providers for private medical clinics, private dental clinics, private hospitals, and others which has been attended by 472 participants, both in person and online. Based on the feedback received, 63.80% (67/105) agreed with the implementation of this initiative.

In line with the strategic collaboration between Ministry of Domestic Trade and Cost of Living of Malaysia (KPDN) and MOH for the implementation of the Medicine Price Display Initiative, a policy meeting was held from 11 to 13 September 2024 at SCAPES Hotel, Genting Highlands. The meeting was attended by 30 representatives from the Legal Division, Policy Division, and Enforcement Division of both ministries and was co-chaired by the Deputy Director-General of Health (Pharmaceutical Services), MOH and the Director-General of Enforcement, KPDN to coordinate implementation and enforcement. The implementation of this initiative is expected to be implemented in 2025.



Mesyuarat di antara KPDN dan KKM
Meeting between KPDN and MOH

INISIATIF PELUPUSAN UBAT-UBATAN DALAM SIMPANAN PESAKIT DEMI KELESTARIAN ALAM SEKITAR (MYMEDISAFE)

Inisiatif MyMediSAFE yang diperkenalkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) adalah usaha strategik untuk mendidik masyarakat tentang pelupusan ubat-ubatan dalam simpanan pesakit secara betul dan selamat. Pelaksanaan MyMediSAFE bertujuan untuk mencegah risiko kesihatan yang berpunca daripada sisa farmaseutikal kepada manusia, memerangi isu kerintangan antimikrob dan seterusnya memastikan kelestarian alam sekitar. MyMediSAFE telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan pada 25 September 2024 di Putrajaya.

MyMediSAFE merupakan sinergi awam swasta yang melibatkan pelbagai organisasi. MyMediSAFE telah disertai oleh 33 rakan strategik yang merangkumi persatuan berkaitan bidang farmaseutikal, hospital swasta, farmasi komuniti, hospital universiti, syarikat farmaseutikal, syarikat penyedia perkhidmatan pelupusan ubat serta syarikat berkaitan pengiklanan kesihatan. Usaha kolektif ini dapat mengoptimumkan sumber dan meluaskan kesedaran masyarakat tentang pelupusan ubat yang betul.

Sehingga Disember 2024, sebanyak 854 pusat pengumpulan ubat-ubatan yang terdiri daripada 149 hospital KKM dan 705 fasiliti bukan KKM telah dikenal pasti di seluruh negara. Lokasi pusat pengumpulan ubat boleh disemak melalui laman web rasmi <https://www.mymedisafe.org.my>.

INITIATIVE FOR THE DISPOSAL OF UNUSED PATIENT MEDICINES FOR ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY (MYMEDISAFE)

The MyMediSAFE initiative introduced by the Pharmaceutical Services Programme (PSP) is a strategic effort to educate the public on the proper and safe disposal of unused medicines. The implementation of MyMediSAFE aims to prevent health risks to humans arising from pharmaceutical waste, mitigate antimicrobial resistance issues and subsequently ensure environmental sustainability. MyMediSAFE was officially launched by the YB Deputy Minister of Health on 25 September 2024 in Putrajaya.

MyMediSAFE is a public-private synergy involving various organizations. MyMediSAFE has been joined by 33 strategic partners which include pharmaceutical-related associations, private hospitals, community pharmacies, university hospitals, pharmaceutical companies, medicines disposal service providers and companies involved in health advertising. This collective effort can optimize resources and expand public awareness about the proper disposal of medicines.

As of December 2024, a total of 854 medicines collection centers consisting of 149 MOH hospitals and 705 non-MOH facilities have been identified nationwide. The location of the medicines collection center can be checked via the official website <https://www.mymedisafe.org.my>.



Inisiatif Pelupusan Ubat-Ubatan dalam Simpanan Pesakit Demi Kelestarian Alam Sekitar (MyMediSAFE)
Initiative for the Disposal of Unused Patient Medicines for Environmental Sustainability (MyMediSAFE)

MESYUARAT PEMURNIAN SENARAI SEMAK ADAF

Mesyuarat dihadiri oleh wakil pengurusan tertinggi dari seluruh negara, bertujuan untuk menyemak dan menambah baik senarai semak Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) agar selaras dengan prosedur, garis panduan dan amalan terkini.

Perbincangan tertumpu kepada meningkatkan keberkesanan senarai semak, menangani cabaran semasa serta mengemas kini elemen yang perlu berdasarkan perubahan dasar dan garis panduan terkini. Selain itu, peserta turut berkongsi pandangan dan pengalaman, bagi memastikan pelaksanaan ADAF yang lebih menyeluruh dan seragam di seluruh negara.

ADAF CHECKLIST REFINEMENT MEETING

This meeting, attended by senior management representatives from across the country, aimed to review and enhance the Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) checklist to ensure its alignment with current policies, guidelines, and best practices.

Discussions focused on enhancing the checklist's effectiveness, addressing current challenges, and updating necessary elements based on the latest policy and guideline changes. Additionally, participants shared insights and experiences, contributing to a more comprehensive and standardized approach in ADAF implementation nationwide.



Mesyuarat Pemurnian Senarai Semak ADAF di Hotel Lexis, Port Dickson | 5-7 Ogos 2024
ADAF Checklist Refinement Meeting held at Lexis Hotel, Port Dickson | 5-7 August 2024

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES

TAJUK TITLE	Mesyuarat Saintifik Farmasi Renal Kebangsaan Ke-4 (NRPSM) 2024 <i>4th National Renal Pharmacy Scientific Meeting (NRPSM) 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	20-21 September 2024, Hotel KSL Esplanade, Klang <i>20-21 September 2024, KSL Esplanade Hotel, Klang</i>
PESERTA PARTICIPANT	167 pegawai farmasi terdiri daripada fasiliti KKM, institusi pengajian tinggi dan institusi swasta <i>167 pharmacists from MOH facilities, higher education institutions, and private institutions</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Program yang bertemakan "Breaking Barriers: Diversifying Renal Pharmacy Practice" ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dengan maklumat dan perkembangan terkini bidang farmasi nefrologi di samping mempromosikan perkongsian ilmu dalam bidang Farmasi Nefrologi. <i>The program themed "Breaking Barriers: Diversifying Renal Pharmacy Practice" aimed to enhance competencies with the latest information and developments in the field of nephrology pharmacy while promoting knowledge sharing in nephrology pharmacy.</i>
HASIL OUTCOME	Forum, ceramah dan pembentangan poster saintifik telah mengukuhkan rangkaian profesional dan menggalakkan pendekatan inovatif, bertujuan untuk meningkatkan amalan penjagaan renal dan hasil pesakit di seluruh sektor kesihatan. <i>Forums, lectures and scientific poster presentations strengthened professional networks and encouraged innovative approaches, aiming to improve renal care practices and patient outcomes across healthcare sectors.</i>



TAJUK TITLE	Mesyuarat Saintifik Farmasi Pediatrik Kebangsaan Ke-4 (NPPSM) 2024 <i>4th National Paediatric Pharmacy Scientific Meeting (NPPSM) 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	2-3 Oktober 2024, Pusat Konvensyen Bangi Avenue <i>2-3 October 2024, Bangi Avenue Convention Centre</i>
PESERTA PARTICIPANT	114 pegawai farmasi terdiri daripada fasiliti KKM, institusi pengajian tinggi dan institusi swasta <i>114 pharmacists from MOH facilities, higher education institutions, and private institutions</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Bertemakan "The Greatest Wealth is the Health of our Children", topik-topik ceramah yang dipilih untuk edisi ini adalah memfokuskan kepada rawatan bagi penyakit endokrin dan respiratori kanak-kanak. Objektif program adalah untuk meningkatkan kompetensi dengan maklumat dan perkembangan terkini bidang farmasi pediatrik serta mempromosikan perkongsian ilmu dalam bidang farmasi pediatrik. <i>With the theme of "The Greatest Health is the Wealth of Our Children", this program aimed to improve the competencies of pharmacists with the latest in the field of paediatric pharmacy, especially in paediatric respiratory and endocrine while at the same time promoting knowledge sharing among the participants.</i>
HASIL OUTCOME	Ceramah yang diberikan sepanjang program dapat meningkatkan kemahiran anggota farmasi dalam perkhidmatan farmasi (pediatrik) justeru menambah kualiti perkhidmatan kepada pesakit. <i>The lectures given throughout the programme can enhance the skills of pharmacists in pharmaceutical services (pediatrics), thereby improving the quality of service to patients.</i>



TAJUK <i>TITLE</i>	Bengkel Persediaan Pemeriksaan Stok di Level 3 Tahun 2024 <i>Bengkel Persediaan Pemeriksaan Stok di Level 3 Tahun 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	22-23 Februari 2024, Institut Kesihatan Negara (NIH) <i>22-23 February 2024, National Institute of Health (NIH)</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	65 pegawai farmasi KKM <i>65 MOH pharmacists</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan rekod fizikal stok dan stok dalam sistem adalah selaras • Menyelaraskan stok yang rosak, tidak bergerak atau hampir luput tempoh penggunaan • Menyediakan tindakan penambahbaikan berdasarkan laporan hasil pemeriksaan • <i>To ensure the physical stock records and stock in the system are aligned</i> • <i>To manage stock that is damaged, inactive, or approaching its expiration date</i> • <i>To develop corrective actions based on the findings from the inspections</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Panduan Pemeriksaan Stok Level 3 di Fasiliti KKM telah diedarkan pada 27 Mei 2024 untuk menjadi rujukan kepada fasiliti semasa pengendalian stok di level 3. <i>Panduan Pemeriksaan Stok Level 3 di Fasiliti KKM was issued on 27 May 2024 to provide guidance for facilities in managing stock at level 3.</i>



TAJUK <i>TITLE</i>	Bengkel Master TOT Modul Pemantapan Soft Skills Anggota di Kaunter Farmasi <i>Bengkel Master TOT Modul Pemantapan Soft Skills Anggota di Kaunter Farmasi</i>
TARIKH <i>DATE</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 23-25 April 2024 (Zon Utara dan Zon Timur) • 13-15 Mei 2024 (Zon Tengah dan Zon Selatan) • 3-5 Julai 2024 (Zon Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) • <i>23-25 April 2024 (North Zone and East Zone)</i> • <i>13-15 May 2024 (Central Zone and South Zone)</i> • <i>3-5 July 2024 (Sabah Zone, Sarawak Zone and Federal Territory of Labuan)</i>
TEMPAT <i>VENUE</i>	Institut Kesihatan Negara (NIH) <i>National Institute of Health (NIH)</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	92 Pegawai Farmasi KKM (termasuk 8 pegawai farmasi IPKKM) <i>92 MOH pharmacists (including 8 pharmacists from IPKKM)</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pendedahan kaedah dan kemahiran <i>soft skills</i> dalam perkhidmatan kaunter farmasi • Menyediakan solusi kepada senario/ isu yang biasa ditemui di kaunter perkhidmatan farmasi • Menerapkan budaya <i>soft skills</i> dalam perkhidmatan kaunter farmasi bagi meningkatkan kecekapan anggota farmasi dalam memenuhi ekspektasi pelanggan • <i>Provide exposure to soft skills techniques applicable for pharmacy counter services</i> • <i>Provide remedial solutions to commonly encountered scenarios/ issues at pharmacy counter services</i> • <i>Inculcate soft skills culture in pharmacy counter services to improve the pharmacy staff efficiency to fulfil customer expectations</i>

HASIL OUTCOME	<p>Seramai 84 pegawai farmasi KKM telah dilahirkan sebagai penggerak dan <i>Master Trainer Modul Pemantapan Soft Skills</i> Anggota di Kaunter Farmasi bagi melatih lebih ramai anggota di negeri masing-masing agar aspek <i>soft skills</i> seperti kaedah <i>motivational interviewing</i>, komunikasi berkesan dan ekspektasi pelanggan dapat dibudayakan sebagai amalan kita.</p> <p><i>A total of 84 MOH pharmacists were trained as Master Trainers for the Pharmacy Counter Soft Skills Enhancement Module who are the main driving force to upskill more members in their respective states on the soft skills aspects such as motivational interviewing tools, effective communication and customer expectations can be instilled as part of our practice.</i></p>
--------------------------	--



TAJUK TITLE	<p>Bengkel Pengukuhan Farmasi Rawatan Rapi 2024 <i>Bengkel Pengukuhan Farmasi Rawatan Rapi 2024</i></p>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	<p>23-24 Mei 2024, Institut Kesihatan Negara (NIH) <i>23-24 May 2024, National Institute of Health (NIH)</i></p>
PESERTA PARTICIPANT	<p>80 Pegawai Farmasi KKM <i>80 MOH pharmacists</i></p>
OBJEKTIF OBJECTIVE	<p>Bertemakan "<i>Mastering Critical Care from the Ground Up</i>", objektif utama bengkel ini dianjurkan adalah untuk mengukuhkan pengetahuan pegawai-pegawai farmasi yang berkhidmat di Unit Rawatan Rapi di samping memberi pendedahan terhadap rawatan terkini bagi pesakit kritikal.</p> <p><i>With the theme of "Mastering Critical Care from the Ground Up", the main objective of this workshop is to strengthen the knowledge of critical care pharmacists while highlighting the latest treatment recommendation for critically ill patients.</i></p>
HASIL OUTCOME	<p>Topik-topik ceramah yang disampaikan semasa bengkel ini merangkumi pengetahuan asas yang perlu dikuasai oleh semua pegawai farmasi yang berkhidmat di Unit Rawatan Rapi. Bengkel ini meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai farmasi, seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pesakit, khususnya pesakit di Unit Rawatan Rapi.</p> <p><i>The lectures delivered during this workshop encompassed the basic knowledge that all pharmacists working in the Intensive Care Unit (ICU) are required to master. This workshop enhances the skills and knowledge of pharmacists, thereby improving the quality of services provided to patients, particularly those in the ICU.</i></p>



TAJUK <i>TITLE</i>	Mesyuarat Teknikal Farmakoekonomi 2024 <i>Pharmacoeconomic Technical Meeting 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	11-13 September 2024, Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan <i>11-13 September 2024, Lexis Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	16 Pegawai Farmasi dari pelbagai negeri/ institusi di bawah KKM <i>16 pharmacists from various states/ institutions under the MOH</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Mengenal pasti serta merancang aktiviti farmakoekonomi termasuk penyelidikan dan latihan bagi mengembangkan dan memantapkan aplikasi prinsip farmakoekonomi dalam perkhidmatan farmasi. <i>Identify and plan pharmacoeconomic activities, including research and training, to expand and strengthen the application of pharmacoeconomic principles in pharmacy services.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Mesyuarat telah berjaya menggariskan perancangan aktiviti farmakoekonomi bagi tahun 2025. Antara aktiviti yang telah dicadangkan adalah penganjuran sesi coffee talk berkaitan bidang farmakoekonomi serta pelaksanaan bengkel pengukuhan penyelidikan farmakoekonomi. <i>The meeting successfully outlined the pharmacoeconomic activity plans for 2025, including proposed initiatives such as coffee talk sessions on pharmacoeconomics and a workshop to enhance pharmacoeconomic research.</i>



TAJUK <i>TITLE</i>	Bengkel Echo Training Evidence-Based Medicine (EBM) <i>Evidence-Based Medicine (EBM) Echo Training Workshop</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	Bermula Mei 2024 sehingga Oktober 2024, Fasiliti-fasiliti Kesihatan KKM <i>From May 2024 to October 2024, MOH Healthcare facilities</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	461 Pegawai Farmasi KKM <i>461 MOH pharmacists</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Melatih dan mengukuhkan kemahiran mengaplikasikan konsep EBM oleh pegawai farmasi di fasiliti KKM supaya pelaksanaan polisi dan keputusan berkaitan ubat-ubatan adalah secara <i>evidence-based</i>. • Membina kapasiti dan kapabiliti pelatih-pelatih bagi pelaksanaan program latihan EBM di peringkat negeri/ institusi. • <i>To train and enhance the skills of pharmacists in applying EBM concepts at MOH facilities to ensure evidence-based implementation of policies and decisions related to medicines.</i> • <i>To build the capacity and capability of trainers for implementing EBM training programs at state/ institution levels.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Pegawai farmasi lebih mahir dalam mengaplikasi EBM untuk menyokong keputusan klinikal dan polisi. <i>Pharmacists are more proficient in applying EBM concepts to support clinical and policy decisions.</i>



Bengkel pertama diadakan di Kedah pada 14-16 Mei 2024
First workshop conducted in Kedah on 14-16 May 2024



Bengkel terakhir diadakan di Melaka pada 7-8 Oktober 2024
Last workshop conducted in Melaka on 7-8 October 2024

TAJUK TITLE	e-JERAYAWARA bagi Garis Panduan Pengendalian Medicines Access Scheme (MASc) di Fasilitas KKM Edisi Kedua 2024, Tatacara Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (JKUT) Di Fasilitas KKM dan Garis Panduan <i>Submission of Dossier for Listing into the Ministry of Health Medicines Formulary</i> (Edisi ke-3) <i>e-JERAYAWARA for Garis Panduan Pengendalian Medicines Access Scheme (MASc) di Fasilitas KKM Edisi Kedua 2024, Tatacara Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (JKUT) di Fasilitas KKM dan Garis Panduan Submission of Dossier for Listing into the Ministry of Health Medicines Formulary (Edisi ke-3)</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	27 Mac 2024 dan 24 April 2024, Secara dalam talian (Google Meet) <i>27 March 2024 and 24 April 2024, Virtual platform (Google Meet)</i>
PESERTA PARTICIPANT	Seramai lebih kurang 900 Pegawai Farmasi daripada pelbagai fasiliti, institusi dan Jabatan Kesihatan Negeri telah menghadiri sesi e-jerayawara ini. <i>Approximately 900 pharmacists from various facilities, institutions, and State Health Departments attended this e-roadshow session.</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan penerangan berhubung garis-garis panduan yang telah dikemas kini • Memastikan tadbir urus ubat-ubatan dapat dilakukan dengan baik • <i>Provide clarification regarding the updated guidelines</i> • <i>Ensure the proper governance of medications</i>
HASIL OUTCOME	Sesi e-jerayawara yang dijalankan telah memberikan pendedahan kepada pegawai Farmasi terlibat berhubung tatacara dan prosedur terkini dalam tadbir urus ubat-ubatan di fasiliti susulan penerbitan garis-garis panduan yang baharu. <i>The e-roadshow sessions conducted have provided exposure to the pharmacists regarding the latest procedures and protocols in the governance of medicines at healthcare facilities, following the publication of new guidelines.</i>

e-JERAYAWARA



CAWANGAN PENGURUSAN FORMULARI
BAHAGIAN AMALAN & PERKEMBANGAN FARMASI

TAJUK <i>TITLE</i>	Perbincangan Perolehan Ubat Oral Antiviral oleh Fasiliti Kesihatan KKM bersama Syarikat Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd. <i>Discussion on The Procurement of Oral Antiviral Drugs by MOH Health Facilities with Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	2 Februari 2024, PPF <i>2 February 2024, PSP</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	Perbincangan ini dijalankan secara fizikal dan juga secara maya dengan penyertaan seramai 15 pegawai daripada kedua-dua pihak. <i>The discussion was conducted physically and also virtually with the participation of 15 officers from both parties.</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Menyelaras perancangan perolehan ubat antiviral Paxlovid® dengan pemegang pendaftaran produk tersebut bagi memastikan kesinambungan bekalan antiviral untuk rawatan COVID-19 di fasiliti kesihatan KKM. <i>Coordinating the procurement planning of the antiviral drug Paxlovid® with the product registration holder to ensure the continuity of the antiviral supply for COVID-19 treatment at MOH healthcare facilities.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Memastikan bekalan Paxlovid® sentiasa tersedia di fasiliti kesihatan KKM melalui penyelarasan dengan pemegang pendaftaran, untuk memastikan rawatan COVID-19 yang berterusan dan efisien. <i>Ensure a continuous supply of Paxlovid® in MOH healthcare facilities through coordination with the product registrant, to ensure ongoing and efficient COVID-19 treatment.</i>



TAJUK <i>TITLE</i>	Mesyuarat Jawatankuasa Farmasi Logistik Tahun 2024 <i>Logistics Pharmacy Committee Meeting Year 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	Sesi Bil. 01/2024: 26-28 Februari 2024, Hotel KSL Esplanade, Klang <i>Session No. 01/2024: 26-28 February 2024, KSL Esplanade Hotel, Klang</i> Sesi Bil. 02/2024: 21 November 2024, PPF <i>Session No. 02/2024: 21 November 2024, PSP</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah BAPF, dengan penyertaan seramai 45 ahli jawatankuasa, termasuk wakil daripada setiap negeri. <i>The meeting was chaired by the Director of the BAPF, with the participation of 45 committee members, including representatives from each state.</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan farmasi logistik dengan tujuan untuk menambah baik amalan sedia ada. <i>To discuss issues related to the management of logistics pharmacy, with the aim of improving existing practices.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Penyampaian maklumat terkini berkenaan pengurusan farmasi logistik kepada wakil negeri serta penyelesaian isu-isu berbangkit bagi memastikan tadbir urus serta tatakelola pengurusan peruntukan dan perolehan bekalan perubatan dilaksanakan dengan baik. <i>The delivery of logistics management information has been presented to the state representatives, and the issues raised have been resolved.</i>



TAJUK TITLE	Majlis Pelancaran Modul Latihan Farmasi Logistik: Pengenalan Asas Pengurusan Farmasi Logistik <i>Launching Ceremony of the Logistic Pharmacy Training Module: Introduction to Basic Management of Logistic Pharmacy</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	14 Mei 2024, Hotel KSL Esplanade, Klang <i>14 May 2024, KSL Esplanade Hotel, Klang</i>
PESERTA PARTICIPANT	Timbalan Pengarah (Farmasi) dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) dari pelbagai negeri dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia Ahli Jawatankuasa Farmasi Logistik sesi 2020/2023 serta sesi 2024/2027 <i>Deputy Director (Pharmacy) and Deputy State Health Director (Pharmacy) from various states and hospitals under the Ministry of Health Malaysia. Committee Members of the Pharmacy Logistics for the 2020/2023 and 2024/2027 sessions.</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Melancarkan satu modul latihan piawai yang boleh digunakan dalam pelaksanaan aktiviti latihan bagi meningkatkan kompetensi anggota di lapangan ke arah melicinkan operasi pengurusan farmasi logistik. <i>Unveil a standardized training module designed to enhance the competency of field personnel, ensuring smoother operations in the management of logistic pharmacy.</i>
HASIL OUTCOME	Penyampaian maklumat yang konsisten kepada anggota serta memudahkan pelaksanaan latihan di lapangan. <i>Ensured consistent information delivery and facilitated training implementation in the logistic pharmacy facilities.</i>



TAJUK TITLE	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Hasil Kajian Pemantauan Harga Ubat (KPHU) <i>Meeting on The Publication Committee of Medicine Prices Monitoring Survey (KPHU)</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	10-12 Jun 2024, Hotel Colmar Tropicale, Bukit Tinggi Pahang <i>10-12 June 2024, Colmar Tropicale Hotel, Bukit Tinggi Pahang</i>
PESERTA PARTICIPANT	14 Pegawai Farmasi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia 1 Pegawai Farmasi daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) 2 Pegawai Farmasi daripada 2 Hospital Pengajar Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi <i>14 pharmacists from the Ministry of Health Malaysia 1 pharmacist from the Ministry of Defence Malaysia (MINDEF) 2 pharmacists from the 2 University Teaching Hospital, Ministry of Higher Education</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Membincangkan hasil dan meneliti laporan Kajian Pemantauan Harga Ubat 2022 untuk tujuan penerbitan. <i>Discuss the results and review the report of the Medicine Prices Monitoring Survey 2022 for the publication.</i>
HASIL OUTCOME	Hasil perbincangan mesyuarat, laporan kajian telah ditambahbaik dan dimurnikan sebelum penerbitan kajian. <i>As a result of the discussion of the meeting, the study report was improved and refined before publication of the study.</i>



TAJUK TITLE	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penerbitan Kajian Penilaian Impak Harga Ubat-Ubatan yang Dibeli Secara Perolehan Bersama (Pooled Procurement) di Sektor Awam 2024 <i>Working Committee Meeting on The Publication Study of The Impact of Pooled Procurement on Medicines Pricing in The Public Sector 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	23-25 Oktober 2024, Hotel Avillion, Port Dickson, Negeri Sembilan <i>23-25 October 2024, Avillion Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan</i>
PESERTA PARTICIPANT	9 Pegawai Farmasi daripada BAPF 2 Pegawai Farmasi daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) 10 Pegawai Farmasi daripada 6 Hospital Pengajar Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi <i>9 pharmacists from the BAPF 2 pharmacists from the Ministry of Defence Malaysia (MINDEF) 10 pharmacists from the 6 University Teaching Hospital, Ministry of Higher Education</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Membincangkan hasil analisis data kajian Fasa 2, penyediaan laporan dan perbincangan hala tuju dan isu-isu perolehan secara bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan Malaysia. <i>Discuss the results of the Phase 2 study data analysis, report preparation and discussion of direction and procurement issues among the Ministry of Health Malaysia, the Ministry of Higher Education and the Ministry of Defense Malaysia.</i>
HASIL OUTCOME	Hasil perbincangan mesyuarat, laporan kajian telah ditambahbaik dan dimurnikan sebelum penerbitan kajian. <i>As a result of the discussion of the meeting, the study report was improved and refined before publication of the study.</i>



TAJUK TITLE	Bengkel Senarai Ubat-Ubatan Bagi Skim Perubatan Madani (SPM) Sesi 1, 2, & 3 Bagi Tahun 2024 <i>Workshop on The List of Medicines for Skim Perubatan Madani (SPM) Sessions 1, 2, & 3 for the Year 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	10 Oktober 2024, 7 November 2024 & 20 Disember 2024 <i>10 October 2024, 7 November 2024 & 20 December 2024 ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. Cyberjaya, Selangor ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. Cyberjaya, Selangor</i>
PESERTA PARTICIPANT	3 peserta dari BAPF 4 peserta dari ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. <i>3 participants from the BAPF 4 participants from ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Perbincangan status terkini pelaksanaan Skim Perubatan MADANI (SPM) dan pencapaian semasa. Perbincangan mengenai semakan harga ubat di bawah SPM supaya selaras dengan harga pasaran semasa dan isu-isu berkaitan dengan penambahbaikan senarai ubat SPM. <i>Current status of the Skim Perubatan MADANI (SPM) implementation and its achievements. Review of medicine pricing under SPM to ensure alignment with current market prices and also addressing issues related to improving the SPM medicines list.</i>
HASIL OUTCOME	Cadangan semakan semula harga ubat SPM telah dikongsikan kepada ProtectHealth Corporation pada 3 Januari 2025. <i>Newly proposed SPM medicines prices was shared with ProtectHealth Corporation on 3 January 2025.</i>



TAJUK TITLE	Perbincangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bersama Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan Indeks Kesihatan <i>Discussion Between the Department of Statistics Malaysia (DOSM) And the Ministry of Health Malaysia (MOH) Regarding the Health Index</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	23 Ogos 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya <i>23 August 2024, Department of Statistics Malaysia, Putrajaya</i>
PESERTA PARTICIPANT	5 peserta daripada BAPF 3 peserta daripada National Health Financing 8 peserta daripada DOSM <i>5 participants from BAPF 3 participants from National Health Financing 8 participants from DOSM</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Susulan cadangan pembangunan Indeks Kesihatan merangkumi tiga kategori iaitu Farmaseutikal, Peralatan Kesihatan dan Perkhidmatan Kesihatan, mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan senarai item ubat yang sesuai untuk dicadangkan ke dalam kategori Farmaseutikal. <i>Following the proposal to develop a Health Index encompassing three categories, namely Pharmaceuticals, Medical Equipment, and Health Services, this meeting is held to discuss the list of suitable drug items to be proposed under the Pharmaceuticals category.</i>
HASIL OUTCOME	Daripada perkongsian kriteria-kriteria harga ubat yang digunakan dalam membangun Indeks Harga Pengguna, kedua-dua pihak bersetuju pembangunan Indeks Harga Ubat perlu melihat semula pengelasan ubat yang diambil kira, wajaran yang akan digunakan dan mengharmonikan senarai sedia ada, sebelum membangun Indeks Kesihatan dan Indeks Harga Ubat. <i>From the sharing of drug price criteria used in developing the current Consumer Price Index, both parties agreed that the development of the Drug Price Index should revisit the classification of drugs considered, the weighted to be used, and the harmonization of the existing list before proceeding with the development of the Health Index and the Medicine Price Index.</i>

TAJUK TITLE	Mesyuarat Bersama Globaldata [Pembekal Pangkalan Data Harga Rujukan Antarabangsa, Pharmonline International (POLI)] <i>Meeting with Globaldata [Provider of The International Reference Price Database, Pharmonline International (POLI)]</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	18 November 2024, Ibu Pejabat PPF & Atas Talian <i>18 November 2024, PSP Office & Online</i>
PESERTA PARTICIPANT	19 peserta daripada BAPF 4 peserta daripada NPRA 2 peserta daripada BDPSF 2 wakil GlobalData <i>19 participants from the BAPF 4 participants from the NPRA 2 participants from the BDPSF 2 representatives of GlobalData</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Memberikan taklimat mengenai ciri platform Pharmaceutical Global Data, yang menyediakan data farmaseutikal mengikut negara, termasuk harga, strategi komersial, pangkalan data khusus, serta alat untuk kecerdasan persaingan pasaran dan analisis pasaran farmaseutikal. <i>Provide a briefing on the Pharmaceutical Global Data platform's feature, which offers comprehensive, country-specific pharmaceutical data, including pricing, commercial strategies, specialized databases, and tools for competitive intelligence and market analytic.</i>

HASIL OUTCOME	Langganan POLI telah diperbaharui untuk tempoh setahun dan akan mempertimbangkan tambahan modul lain untuk langganan bagi tahun yang akan data. Pihak GlobalData bersetuju untuk memberikan akses cubaan (trial) kepada 3 modul tambahan bagi tempoh sebulan termasuk modul <ul style="list-style-type: none"> ● Drugs database ● World Market Healthcare ● Patent database ● AI Hub <i>The POLI subscription has been renewed for one year, and additional modules will be considered for the subscription in the upcoming year. GlobalData has agreed to provide a trial access to 3 additional modules for a one-month period, including:</i> <ul style="list-style-type: none"> ● Drugs database ● World Market Healthcare ● Patent database ● AI Hub
-------------------------	---



TAJUK <i>TITLE</i>	Sesi Advokasi Penggunaan Ubat Berkualiti Fokus kepada Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran dan Pertuturan 2024 <i>Advocacy Session on The Quality Use of Medicines, Focusing on Individuals with Hearing and Speech Disabilities 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	25-27 Jun 2024, Hotel Lexis, Port-Dickson, Negeri Sembilan <i>25-27 June 2024, Lexis Hotel, Port-Dickson, Negeri Sembilan</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	66 pegawai farmasi KKM <i>66 pharmacists from MOH facilities</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Objektif utama sesi ini adalah untuk memberi pendedahan asas bahasa isyarat kepada pegawai farmasi bagi memudahkan komunikasi dengan pesakit daripada golongan OKU Pendengaran dan Pertuturan. Selain itu, sesi advokasi ini turut bertujuan meningkatkan kefahaman pegawai farmasi mengenai keperluan khusus pesakit OKU Pendengaran dan Pertuturan, sekali gus memastikan penyampaian perkhidmatan farmasi yang lebih inklusif dan berkesan di fasiliti kesihatan kerajaan. <i>The primary objective of this session was to provide pharmacists with basic exposure to sign language to facilitate communication with patients from the hearing and speech-impaired community. Additionally, the session aimed to enhance pharmacists' understanding of the specific needs of these patients, thereby ensuring a more inclusive and effective pharmacy service delivery at government healthcare facilities.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Seramai 66 pegawai farmasi dari seluruh negara telah menyertai sesi ini yang memberi pendedahan kepada asas bahasa isyarat. Sebanyak 12 video pendidikan Kenali Ubat Anda dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) turut dihasilkan semasa sesi advokasi ini. Video-video ini diharap dapat menjadi panduan berguna bagi meningkatkan kefahaman golongan OKU Pendengaran dan Pertuturan berkaitan penggunaan ubat yang betul. <i>A total of 66 pharmacists from across the country participated in this session which provided exposure to the basics of sign language. As part of this initiative, a total of 12 educational Know Your Medicines videos in Malaysian Sign Language were also produced during the session. These videos are expected to serve as valuable resources in improving the understanding of hearing and speech-impaired individuals regarding proper medication use.</i>



Seramai 66 peserta sesi advokasi yang terdiri daripada pegawai farmasi dari seluruh negara bergambar sambil menunjukkan bahasa isyarat.

A total of 66 advocacy session participants, consisting of pharmacists from across the country, posed for a photo while showcasing sign language.

TAJUK <i>TITLE</i>	Bengkel Duta Kenali Ubat Anda Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan, Pendengaran dan Pertuturan 2024 <i>Know Your Medicines Ambassador Workshop: Persons with Disabilities (PWD) In Visual, Hearing, and Speech Impairments 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	22 Oktober 2024, Institut Latihan DBKL (ID) Cheras, Kuala Lumpur <i>22 October 2024, Institut Latihan DBKL (ID) Cheras, Kuala Lumpur</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	22 peserta <i>22 participants</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Bengkel Duta Kenali Ubat Anda untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan, Pendengaran, dan Pertuturan 2024 telah berjaya dilaksanakan pada 22 Oktober 2024. Bengkel ini merupakan program rintis bagi memperkasa komuniti yang melibatkan golongan OKU. Melalui modul-modul yang komprehensif, sejumlah 22 peserta telah dilatih tentang Penggunaan Ubat Berkualiti bagi memastikan mereka mendapat informasi yang tepat dan sahih tentang ubat-ubatan dalam usaha membudayakan literasi kesihatan. <i>The Know Your Medicines Ambassador Workshop for Persons with Disabilities (PWD) with Visual, Hearing, and Speech Impairments 2024 was successfully held on October 22, 2024. This workshop served as a pilot program aimed at empowering the PWD community. Through comprehensive modules, a total of 22 participants were trained on the Rational Use of Medicines to ensure they received accurate and reliable information about medications, promoting health literacy.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	Menerusi bengkel ini, wakil masyarakat dalam golongan OKU dilatih untuk bertindak sebagai ejen kesihatan komuniti agar turut membantu KKM dalam memberi maklumat asas tentang ubat-ubatan kepada komuniti OKU masing-masing. <i>In addition, representatives from the PWD community were trained to act as community health agents, assisting the Ministry of Health (KKM) in providing basic information about medicines to their respective PWD communities.</i>



Duta Kenali Ubat Anda OKU Penglihatan, Pendengaran dan Pertuturan bergambar kenang-kenangan bersama-sama para fasilitator
The Know Your Medicine Ambassadors for the visually, hearing, and speech impaired posed for a memorable photo together with the facilitators

TAJUK TITLE	Mesyuarat Pemurnian Senarai Semak ADAF <i>ADAF Checklist Refinement Meeting</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	5-7 Ogos 2024, Hotel Lexis, Port Dickson <i>5-7 August 2024, Lexis Hotel, Port Dickson</i>
PESERTA PARTICIPANT	45 pegawai farmasi KKM dari wakil pengurusan tertinggi dari seluruh negeri. <i>45 MOH senior management pharmacists' representatives from across the country.</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Menyemak dan menambah baik senarai semak Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) agar selaras dengan prosedur, garis panduan dan amalan terkini. <i>To review and enhance the Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) checklist to ensure its alignment with current procedures, guidelines, and best practices.</i>
HASIL OUTCOME	Meningkatkan keberkesanan senarai semak, menangani cabaran semasa, dengan mengemas kini elemen yang perlu berdasarkan perubahan dasar dan garis panduan terkini. Selain itu, peserta turut berkongsi pandangan dan pengalaman, bagi memastikan pelaksanaan ADAF yang lebih menyeluruh dan seragam di seluruh negeri. <i>Enhance the checklist's effectiveness, addressing current challenges, by updating necessary elements based on the latest policy and guideline changes. Additionally, participants shared insights and experiences, contributing to a more comprehensive and standardized approach in ADAF implementation nationwide.</i>



TAJUK TITLE	Taklimat Pemurnian Senarai Semak ADAF <i>ADAF Checklist Refinement Briefing</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	9 Disember 2024, Secara atas talian (Google meet) <i>9 December 2024, Online (Google Meet)</i>
PESERTA PARTICIPANT	42 pegawai farmasi KKM dari seluruh negara <i>42 MOH pharmacists from across the country</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Objektif taklimat ini adalah untuk memastikan senarai semak baharu digunakan di semua fasiliti yang menjalankan ADAF/ audit sendiri mulai Januari 2025 tanpa mengganggu perancangan audit di negeri/ institusi. Taklimat ini adalah berikutan pindaan senarai semak ADAF hasil Bengkel Pemurnian Senarai Semak ADAF pada 5-7 Ogos 2024 yang dihadiri oleh wakil pengurusan tertinggi negeri/institusi. <i>The objective of this briefing is to ensure that the new checklist is used in all facilities conducting ADAF/ self-audits starting January 2025 without disrupting audit planning at the state/ institution level. This briefing follows the amendments to the ADAF checklist from the ADAF Checklist Refinement Workshop, held on 5-7 August 2024, attended by senior management representatives from states/institutions.</i>
HASIL OUTCOME	Taklimat ini memastikan pemahaman yang jelas mengenai penggunaan senarai semak ADAF baharu dan membolehkan penyelarasan di peringkat negeri/ institusi serta memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan sistematik. <i>This briefing ensures a clear understanding of the use of the new ADAF checklist, facilitates coordination at the state/ institution level, and ensures more effective and systematic implementation.</i>



AKTIVITI LAIN (SENARAI)**OTHER ACTIVITIES (LIST)**

Lawatan Penilaian Bagi Tujuan Pengiktirafan Pusat Latihan Sangkutan Jangka Pendek Perkhidmatan Farmasi Klinikal dan Teknikal

Assessment Visit for the Appointment of Clinical Pharmacy Attachment Training Centre

PENGLIBATAN SEBAGAI PENCERAMAH:**INVOLVEMENT AS SPEAKER:**

Senarai penglibatan sebagai penceramah jemputan bagi beberapa bengkel/ persidangan yang diadakan seperti berikut:

List of involvement as a guest speaker for several workshops/ conferences held as below:

1. Forum Ekonomi Kesihatan ke-7, 2024 anjuran Universiti Teknologi Mara dan PhAMA (17 Oktober 2024)

7th Health Economics Forum 2024 organised by Universiti Teknologi Mara and PhAMA (17 October 2024)

2. Kursus Pengenalan Kepada Kelulusan Khas Yang Dikeluarkan Oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM anjuran Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Introduction Course on Special Approvals Issued by the Pharmaceutical Services Programme, Ministry of Health organised by Pharmacy Enforcement Division (15 May 2024)

3. Seminar *Monitoring of Registered and Special Approval Medicine* anjuran Bahagian Regulatori Farmasi Negara

Monitoring of Registered and Special Approval Medicine, NPRA (22 April 2024)

4. Bengkel Health Economics for Cancer Treatment anjuran Taylor's University dan Malaysian Oncological Society (20 Januari 2024)

Health Economics Workshop for Cancer Treatment organised by Taylor's University and Malaysian Oncological Society (20 January 2024)

5. Liver Cancer Awareness Programme sempena World Cancer Day 2024 anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (4 Februari 2024)

Liver Cancer Awareness Programme in conjunction with World Cancer Day 2024 organised by the National University of Malaysia (4 February 2024)



3.0 PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN | ACHIEVEMENT AND RECOGNITION

PENYERTAAN PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) FARMASI KEBANGSAAN KE-12 TAHUN 2024

Persidangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Farmasi Kebangsaan Ke-12 Tahun 2024 diadakan pada 19-21 Ogos 2024 bertempat di KSL Esplanade Hotel, Klang Selangor anjuran PPF. Cawangan Pengurusan Harga Ubat telah menyertai pembentangan oral dengan tajuk "An Overview of Medicines Pooled Procurement in the Public Sector: How Much We Save?"



PARTICIPATION IN THE 12TH NATIONAL PHARMACY RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D) CONFERENCE 2024

The 12th National Pharmaceutical Research and Development (R&D) Conference 2024 was held from 19-21 August 2024 at the KSL Esplanade Hotel, Klang, Selangor, organized by the PSP. The Medicines Price Management Branch participated in an oral presentation titled "An Overview of Medicines Pooled Procurement in the Public Sector: How Much We Save?"



Penyertaan Persidangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Farmasi Kebangsaan Ke-12 Tahun 2024
Participation in the 12th National Pharmaceutical Research and Development (R&D) Conference 2024


PENYERTAAN PERSIDANGAN DIABETES ASIA 2024

Persidangan Diabetes Asia 2024 telah diadakan pada 17 hingga 19 Oktober di Royal Chulan, Kuala Lumpur anjuran National Diabetes Institute (NADI). Cawangan Pengurusan Harga Ubat telah menyertai pembentangan poster dengan tajuk "Access to Non-communicable diseases (NCDs) Medicines in Malaysia Healthcare System: A Nationwide Cross-Sectional Study".




PARTICIPATION IN THE DIABETES ASIA CONFERENCE 2024

The Diabetes Asia Conference 2024 was held from 17 to 19 October at Royale Chulan, Kuala Lumpur, organized by the National Diabetes Institute (NADI). The Medicines Price Management Branch participated in a poster presentation titled "Access to Non-Communicable Diseases (NCDs) Medicines in Malaysia Healthcare System: A Nationwide Cross-Sectional Study".



Penyertaan Persidangan Diabetes Asia 2024
Diabetes Asia Conference 2024 participation

4.0 PENERBITAN DAN KAJIAN | PUBLICATION AND RESEARCH



Guidelines on Submission of Dossier for Listing into the Ministry of Health Medicines Formulary (2024)
Guidelines on Submission of Dossier for Listing into the Ministry of Health Medicines Formulary (2024)




Garis Panduan Pengendalian Medicine Access Schemes (MASc) di Fasilitas KKM (Edisi Kedua) 2024
Garis Panduan Pengendalian Medicine Access Schemes (MASc) di Fasilitas KKM (Edisi Kedua) 2024



Modul Latihan Farmasi Logistik - Pengenalan Asas Pengurusan Farmasi Logistik
Modul Latihan Farmasi Logistik - Pengenalan Asas Pengurusan Farmasi Logistik



Dilution Guide for Fluid Restricted Critically Ill Adults 2024
Dilution Guide for Fluid Restricted Critically Ill Adults 2024




Neurology Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Protocol (Second Edition)
Neurology Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Protocol (Second Edition)




Oncology Pharmacy Service Guide
Oncology Pharmacy Service Guide




Geriatric Pharmacy Protocol: MTAC, Ward Pharmacy & HMR (Second Edition) 2024
Geriatric Pharmacy Protocol: MTAC, Ward Pharmacy & HMR (Second Edition) 2024



Garis Panduan Antimikrobal Kebangsaan (National Antimicrobial Guideline, NAG) Edisi Keempat
Garis Panduan Antimikrobal Kebangsaan (National Antimicrobial Guideline, NAG) Edisi Keempat



Heart Failure Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Protocol (Second Edition)
Heart Failure Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Protocol (Second Edition)



Rheumatoid Arthritis Medication Therapy Adherence Clinic (RaMTAC) Protocol (Second Edition)
Rheumatoid Arthritis Medication Therapy Adherence Clinic (RaMTAC) Protocol (Second Edition)



Laporan Kajian Pemantauan Harga Ubat di Malaysia 2022
Medicine Prices Monitoring in Malaysia Survey Report 2022



Penerbitan manuskrip bertajuk '*Expanding access to sodium-glucose cotransporter 2 inhibitors (SGLT2i) in the Ministry of Health Malaysia – a multiple HTA approach*' dalam *International Journal of Technology Assessment in Health Care*, 40(1), e69, 1–9
Publication of manuscript entitled 'Expanding access to sodium-glucose cotransporter 2 inhibitors (SGLT2i) in the Ministry of Health Malaysia - a multiple HTA approach' in the International Journal of Technology Assessment in Health Care, 40(1), e69, 1–9

5.0 KOLABORASI DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL COLLABORATION AND PARTICIPATION

KONSULTASI TEKNIKAL PANDUAN OPERASI WHO BAGI NEGARA YANG BERSEDIA MEMPERKENALKAN ANTIBIOTIK BAHARU (25-26 JUN 2024)

Konsultasi Teknikal Panduan Operasi WHO bagi Negara yang Bersedia Memperkenalkan Antibiotik Baharu telah diadakan di Ibu Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Geneva dan dihadiri oleh Dr. Nur Sufiza binti Ahmad, Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Formulari. Konsultasi ini bertujuan untuk menambah baik panduan WHO dalam pengenalan antibiotik baharu, dengan memberi tumpuan kepada laluan peraturan, pengurusan rantai bekalan, dan penjagaan antimikrob serta menekankan kepentingan perancangan nasional yang kukuh bagi memastikan akses yang mampan dan mengurangkan rintangan antimikrob (AMR). Pakar-pakar turut membincangkan amalan terbaik, khususnya untuk negara berpendapatan rendah dan sederhana (LMICs), serta meneroka strategi bagi mengimbangkan ketersediaan antibiotik dengan penggunaan yang bertanggungjawab. Antara topik utama yang dibincangkan termasuk rangka kerja analisa kos, senarai semak perancangan, strategi perolehan, model harga, serta pembentangan kajian kes mengenai kejayaan pengenalan antibiotik baharu. Hasil daripada konsultasi ini akan membantu memperkukuh panduan WHO dan membantu sesebuah negara dalam mengurus pengenalan antibiotik baharu dengan lebih berkesan dalam sistem penjagaan kesihatan negara-negara tersebut.

TECHNICAL CONSULTATION ON WHO OPERATIONAL GUIDANCE FOR COUNTRIES PREPARING TO INTRODUCE NEW ANTIBIOTICS (25-26 JUNE 2024)

The Technical Consultation on WHO Operational Guidance for Countries Preparing to Introduce New Antibiotics was held at WHO Headquarters in Geneva and attended by Deputy Director of Formulary Management Branch. The consultation aimed to refine WHO's guidance on antibiotic introduction, focusing on regulatory pathways, supply chain management, and antimicrobial stewardship while emphasizing strong national planning to ensure sustainable access and minimize antimicrobial resistance (AMR). Experts discussed best practices, particularly for low- and middle-income countries (LMICs), and explored strategies to balance availability with responsible use. Key topics included cost analysis frameworks, planning checklists, procurement strategies, and pricing models, along with case studies on successful antibiotic introduction. The outcomes will help enhance WHO's guidance and support countries in effectively managing new antibiotics in their healthcare systems.

MESYUARAT PERANCANGAN OPERASI SECURE (27 JUN 2024)

Mesyuarat Perancangan Operasi SECURE, yang diketuai oleh WHO, memberi tumpuan kepada pembangunan aktiviti teras bagi meningkatkan akses global kepada antibiotik. Mesyuarat ini mengenal pasti keutamaan operasi, termasuk pemilihan senarai pendek antibiotik bagi fasa *proof-to-concept* serta menangani kegagalan pasaran yang menjejaskan ketersediaan, terutamanya di negara berpendapatan rendah dan sederhana (LMICs). Perbincangan memberi tumpuan kepada strategi pembentukan pasaran, seperti penyelarasan polisi regulatori, mekanisme perolehan berpusat, dan model kewangan seperti jaminan volum bagi menstabilkan rantai bekalan. Mesyuarat ini menyediakan asas bagi pelaksanaan SECURE, memastikan usaha global yang terkoordinasi dalam meningkatkan akses kepada antibiotik sambil memelihara keberkesannya melalui penggunaan yang bertanggungjawab.

SECURE OPERATIONAL PLANNING MEETING (27 JUNE 2024)

The SECURE Operational Planning Meeting, led by WHO, focused on developing core activities to enhance global antibiotic access. The meeting identified key priorities, including selecting a shortlist of antibiotics for the proof-of-concept phase and addressing market failures that limit availability, particularly in low- and middle-income countries (LMICs). Discussions centered on market shaping strategies, such as regulatory streamlining, pooled procurement, and financial models like volume guarantees to stabilize supply chains. The meeting laid the groundwork for operationalizing SECURE, ensuring a coordinated global effort to improve antibiotic access while promoting responsible use.



Mesyuarat Perancangan Operasi SECURE
SECURE Operational Planning Meeting

THE EIGHTH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC NETWORK ON ACCESS TO MEDICINES UNDER UNIVERSAL HEALTH COVERAGE

Mesyuarat yang diadakan pada 25 hingga 26 September 2024 bertempat di Seoul, Korea Selatan telah dianjurkan oleh WHO Regional Offices for the Western Pacific and South-East Asia, dengan kolaborasi OECD dan Seoul National University. Mesyuarat ini memfokuskan pada mekanisme untuk pembiayaan ubat-ubatan secara mampan, perkongsian maklumat harga dan peraturan, kecekapan dalam sistem perolehan dan pengurusan bekalan, serta pemantauan dan penilaian dasar farmaseutikal dan intervensi untuk meningkatkan akses kepada ubat-ubatan penting.

THE EIGHTH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC NETWORK ON ACCESS TO MEDICINES UNDER UNIVERSAL HEALTH COVERAGE

The meeting held from 25 to 26 September 2024 in Seoul, South Korea, was organized by the WHO Regional Offices for the Western Pacific and South-East Asia, in collaboration with the OECD and Seoul National University. This meeting focused on mechanisms for sustainable medicines financing, price information sharing and regulation, efficiencies in procurement and supply management systems, as well as monitoring and evaluation of pharmaceutical policies and interventions to improve access to essential medicines.



The Eighth Meeting of The Asia-Pacific Network on Access to Medicines under Universal Health Coverage

The Eighth Meeting of The Asia-Pacific Network on Access to Medicines under Universal Health Coverage



Wakil KKM dari BAPF dan Bahagian Perolehan dan Penswastaaan

Representatives of the MOH from the BAPF and Procurement and Privatisation Division

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE THAILAND BERKAITAN MEDICINES PRICING, REIMBURSEMENT POLICY, AND BENEFIT PACKAGE FOR MEDICINES

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Pejabat Wilayah Pasifik Barat (WPRO) telah bekerjasama dengan Health Intervention and Technology Assessment Program (HITAP) Kementerian Kesihatan, Thailand untuk menganjurkan lawatan sambil belajar ke Thailand. Lawatan ini diadakan pada 4 hingga 8 Mac 2024 di Nonthaburi, Thailand, bertujuan untuk berkongsi pendekatan Thailand terhadap penetapan harga ubat dan memudahkan pembelajaran antara negara. Peserta dari lima negara iaitu Mongolia, Filipina, Brunei, Bhutan dan Malaysia terlibat dalam perbincangan dan pembentangan yang meliputi pelbagai aspek dasar harga ubat, mekanisme perolehan dan Penilaian Teknologi Kesihatan (HTA). Lawatan ini juga memberikan pandangan yang berharga dan langkah strategik kepada negara-negara di rantau Asia-Pasifik (APAC) untuk membangunkan dasar penetapan harga yang berkesan serta mengukuhkan sistem kesihatan masing-masing.

STUDY VISIT TO THAILAND ON MEDICINES PRICING, REIMBURSEMENT POLICY, AND BENEFIT PACKAGE FOR MEDICINES

The Western Pacific Regional Office (WPRO) of the World Health Organization (WHO) collaborated with the Health Intervention and Technology Assessment Program (HITAP) Ministry of Public Health, Thailand to organize a study visit to Thailand. Held from March 4th to 8th, 2024, in Nonthaburi, Thailand, the study visit aimed to share Thailand's approach to pricing medicines and facilitate cross-country learning. Participants from five countries which are from Mongolia, Philippines, Brunei, Bhutan and Malaysia engaged in discussions and presentations covering various aspects of medicine pricing policies, procurement mechanisms and Health Technology Assessment (HTA). The study visit provided valuable insights and strategic takeaways for countries in the Asia-Pacific (APAC) region to develop effective pricing policies and strengthen their healthcare systems.



Lawatan Sambil Belajar ke Thailand berkaitan Medicines Pricing, Reimbursement Policy, and Benefit Package for Medicines

Study Visit to Thailand on Medicines Pricing, Reimbursement Policy, and Benefit Package for Medicines



BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

PHARMACY ENFORCEMENT DIVISION

4,320

PREMIS | PREMISES

Bilangan Premis Farmasi
Komuniti Swasta
*Number of Private Community
Pharmacy Premises*

2,507

**AKTIVITI KESEDARAN
AWARENESS ACTIVITIES**

Jumlah Aktiviti Kesedaran
Penjual Dan Pemegang Taruh
*Total Number of Awareness
Activities for Sellers and
Stakeholders*

222

**PERANTI DIGITAL
DIGITAL DEVICES**

Bilangan Peranti Digital
Diterima Untuk Penganalisan
*Total Number of Digital Devices
Received for Analysis*



28,401

**IKLAN DISARING
ADVERTISEMENT SCREENED**

Jumlah Iklan Disaring Yang Berkaitan Dengan Farmasi/
Kesihatan/ Perubatan (Media cetak, Media Elektronik,
Media Baharu)
*Number of Advertisements Screened Related to Pharmacy/
Health/ Medicine (Print Media, Electronic Media, New Media)*



Bilangan Sekatan Akses/ Penurunan
Kandungan URL
*Number of Access Restrictions/
Content Removal URLs*

15,342

**SEKATAN AKSES
ACCESS RESTRICTIONS**

1,370

SERBUAN | RAIDS

RM37,491,206

NILAI RAMPASAN | VALUE OF SEIZURES

Jumlah Serbuan yang dijalankan & Nilai Rampasan
Total Raids Conducted & Value of Seizures



9,693


**PREMIS BERLESEN
LICENSED PREMISES**

2,762

**PREMIS BERDAFTAR
REGISTERED PREMISES**

Jumlah Pemeriksaan Premis Berlesen dan Premis Berdaftar
Total Inspections of Licensed and Registered Premises





BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI **PHARMACY ENFORCEMENT DIVISION**

1.0 PENGENALAN | INTRODUCTION

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) berperanan untuk memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah sah daripada segi pendaftaran dan notifikasi. Ia juga berfungsi untuk memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran, pengiklanan produk-produk kesihatan dan perkhidmatan perubatan dikendalikan dengan mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan iaitu di bawah Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Usaha ini dilaksanakan melalui aktiviti risikan dan operasi terancang, kawalan melalui sistem pelesenan, pemantauan berterusan dan bersepadu serta aktiviti seranta bersama agensi-agensi berkepentingan bagi menurunkan permintaan terhadap produk yang tidak selamat atau membahayakan. Berikut merupakan fungsi utama bagi cawangan dan seksyen di bawah BPF:

The Pharmacy Enforcement Division (PED) plays a pivotal role to ensure that all pharmaceutical products, traditional medicines and cosmetics available in the market are genuine in terms of registration and notification. It also acts to ensure that the link between supply and marketing, advertising of healthcare products and medical services is conducted in compliance with the provisions of the existing legislations in Poisons Act 1952, Sale of Drugs Act 1952 and Medicines (Advertisement and Sale) Act 1956. This effort is carried out through intelligence activities and planned operations, control via a licensing system, continuous and integrated monitoring, as well as engagement activities with relevant stakeholders to reduce the demand for unsafe or harmful products. Below are the main functions of branches and section under the PED:

CAWANGAN PERISIKAN DAN OPERASI | INTELLIGENCE AND OPERATION BRANCH

- Menyelaras aktiviti pengendalian aduan di peringkat ibu pejabat dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) berkaitan aduan produk.
- Merancang dan memantau aktiviti pembasmian produk tidak berdaftar, produk tiruan dan produk campur racun di pasaran.
- *To coordinate complaints handling activities at the headquarters and Pharmacy Enforcement Branch (PEB) related to product complaints.*
- *To plan and monitor the eradication activities of unregistered products, counterfeit products and adulterated products in the market.*

CAWANGAN PELESENAN | LICENSING BRANCH

- Mengeluarkan Lesen/ Kebenaran Import/ Kebenaran Eksport/ Permit Import/ Permit Eksport/ Syarat Lesen Khas/ Kebenaran Khas untuk aktiviti pengimportan, pekeksportan, pengedaran substans berjadual bagi dadah berbahaya, bahan psikotropik, serta prekursor (*pseudoephedrine* dan *ephedrine*) dan penetapan kuota bagi bahan-bahan tersebut serta kelulusan pengedaran bahan terkawal.
- Merancang, menyelaras, mengkoordinasi dan memantau aktiviti pelesenan dan pemeriksaan yang dijalankan oleh CPF Negeri serta aktiviti saringan dan pemeriksaan pengimportan di pintu-pintu masuk Kastam bagi produk dan bahan yang dikawal bagi memastikan kepatuhan terhadap peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.
- Menguruskan perkara-perkara berkaitan konvensyen-konvensyen dadah antarabangsa di mana BPF merupakan Pihak Berkuasa Berwibawa (*Competent Authority*) yang melibatkan substans terkawal seperti dadah berbahaya (narkotik), bahan psikotropik dan prekursor serta menyelaras tindakan dengan agensi/ jabatan/ pihak berkuasa lain yang berkaitan dengan aktiviti pelesenan, pemeriksaan, kawalan pintu masuk dan kawalan substans terkawal selaras dengan konvensyen antarabangsa.
- *Issuing of Licence / Import Authorization / Export Authorization/ Import Permit/ Export Permit/ Special Licence Conditions/ Special Authorization for importation, exportation, distribution activities of scheduled substances for dangerous drugs, psychotropic substances and precursors (pseudoephedrine and ephedrine), and quotas setting for such substances as well as approval for controlled substances distribution.*
- *Plan, coordinate and monitor the activities of licensing and inspection carried out by the State PEB and inspection activities at Customs entry points on the importation of products and substances which are regulated under the Acts enforced to ensure compliance with the provisions of the law enforced.*
- *Manage related matters pertaining International Drug Conventions involving dangerous drugs (narcotics), psychotropic substances and precursors where PED as the Competent Authority for the Conventions and coordinate actions with other agencies/ departments/ authorities related to the activities such as licensing, inspection, entry points control and substance control as in accordance with international conventions.*

CAWANGAN PERUNDANGAN | LEGISLATIVE BRANCH

- Menganalisis dan mengkaji undang-undang sedia ada untuk memastikan relevan dengan keperluan dan cabaran semasa serta meminda dan jika perlu, menggubal undang-undang untuk memantapkan dan memperkukuh kawalan dan penguatkuasaan.
- Mengkoordinasikan proses siasatan dan pendakwaan di semua CPF.
- *To conduct research and review on the existing laws to ensure their relevance to the current needs and challenges as well as to amend current laws or to enact new laws to strengthen the governance and regulatory control*
- *To coordinate investigation and prosecution activities in all PEB.*

CAWANGAN KAWALAN IKLAN | ADVERTISEMENT CONTROL BRANCH

- Memproses kelulusan iklan produk ubat dan perkhidmatan kesihatan serta memproses pindaan/ pembatalan/ tarik balik kelulusan iklan produk ubat dan perkhidmatan kesihatan; sebagai Sekretariat kepada Lembaga Iklan Ubat; serta menyediakan dan mengemas kini polisi Lembaga Iklan Ubat, garis panduan pengiklanan dan panduan berkaitan permohonan kelulusan iklan.
- Menjalankan saringan dan pemantauan ke atas iklan produk dan perkhidmatan perubatan dalam media cetak, media elektronik dan media baharu bagi memastikan peruntukan undang-undang sedia ada dipatuhi
- Merancang dan melaksanakan aktiviti kesedaran dan libat urus kepada pemegang taruh dan pihak yang berkepentingan bagi meningkatkan kefahaman dan kepatuhan kepada peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.
- *Process approval/ amendments/ cancellations of advertisements for medicinal products and healthcare services and revocation of medicinal products and healthcare services advertisement; Secretariat for the Medicine Advertisement Board; prepare and update the Medicine Advertisement Board policy, advertising guidelines and guides relating to advertisement approval applications.*
- *Conduct screening and monitoring of medicinal products and healthcare services advertisements in print media, electronic media and new media to ensure compliance with existing legal provisions.*
- *Plan and implement awareness activities and engagement with various stakeholders and relevant parties to increase understanding and compliance with the currently enforced legal provisions.*

CAWANGAN FARMASI FORENSIK | FORENSIC PHARMACY BRANCH

- Menyaring dan memantau penjualan produk farmaseutikal di media baru serta menyediakan laporan pemprofilan bagi aduan yang diterima berhubung dengan pembekalan atau penjualan produk dalam Internet serta menjalankan forensik digital dan pemulihan data bagi membolehkan bukti dibawa ke mahkamah
- Mengurus dan mengendalikan makmal forensik siber dan makmal forensik kimia untuk membantu tugas pemantauan dan risikan pasaran serta mewujudkan pangkalan data bagi sampel yang diuji
- *Screen and monitor the sale of pharmaceutical products in the new media and prepare profiling reports based on complaints in relation to the supply or sale of pharmaceutical products on the Internet as well as conduct digital forensics and data recovery to enable evidence to be brought to court*
- *Manage and operate cyber forensic laboratory and chemical forensic laboratory to assist in market monitoring and intelligence activities as well as creating database of tested samples*

SEKSYEN PERKEMBANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI | PHARMACY ENFORCEMENT DEVELOPMENT SECTION

- Memantau dan menyelaras peruntukan kewangan Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi Ibu Pejabat dan Negeri, urusan sumber manusia, urusan latihan dan kompetensi pegawai di bawah Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi
- Memantau dan menyelaras pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi supaya mencapai indikator dan objektif kualiti serta Dasar dan Pelan Tindakan yang ditetapkan
- Memantau dan menyelaras maklum balas dari Ibu Pejabat dan CPF Negeri kepada pihak yang berkepentingan dan pembangunan sistem sedia ada/ baru di BPF.
- *Monitor and coordinate budget allocation for pharmacy enforcement activities at the headquarters and state level; monitor and coordinate human resource matters, training matters and competencies for officers under Pharmacy Enforcement Activities*
- *Monitor and coordinate the implementation of Pharmacy Enforcement Activities to achieve quality indicators and objectives as well as set Policies and Action Plans.*
- *Monitor and coordinate feedback from the headquarters and the states to stakeholders as well as the development of existing/ new systems in the PED.*

2.0 AKTIVITI DAN SOROTAN | ACTIVITIES AND HIGHLIGHTS

LEMBAGA RACUN

Lembaga Racun telah bersidang sebanyak dua kali dalam tahun 2024 melalui mesyuarat kali ke-99 dan ke-100. Mesyuarat Lembaga Racun yang ke-99 telah diadakan pada 30 Januari 2024 dan memutuskan perkara-perkara berikut:

- i. Mengelaskan 17 bahan kimia sebagai racun baru di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]
- ii. Menyenaraikan sodium hyaluronate dalam sediaan parenteral sebagai racun Kumpulan C
- iii. Mengekalkan kawalan nikotin dalam sediaan lozeng sebagai racun Kumpulan C
- iv. Membenarkan penggunaan ubat-ubat yang diperlukan dan dibenarkan oleh Majlis Optik Malaysia dalam perkhidmatan optometri seperti cyclopentolate, tropicamide dan proparacaine. Kebenaran penggunaan ini hanya dibenarkan kepada optometris berdaftar sahaja
- v. Mengekalkan kawalan ibuprofen 200mg atau kurang, sebagai racun Kumpulan C

Seterusnya, pada 22 Ogos 2024, Ketua Pengarah Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Sambutan dan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Racun yang ke-100 bertempat di KKM, Putrajaya. Mesyuarat kali ke-100 ini telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- i. Mengelaskan 14 bahan kimia sebagai racun baru di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]
- ii. Menyenaraikan 22 bahan kimia/ psikoaktif daripada keputusan Mesyuarat *Commission on Narcotics Drugs* sebagai racun, bahan psikotropik atau dadah berbahaya
- iii. Tidak mengawal *cell gene and therapy products* (CGTP) di bawah Akta 366, sebaliknya dikawal oleh Akta Jualan Dadah 1952 sama ada melalui pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 atau penggubalan Peraturan-Peraturan baharu
- iv. Mengelaskan semula aceclofenac daripada racun Kumpulan B kepada C bagi semua sediaan selain daripada sediaan parenteral
- v. Mengecualikan kawalan di bawah Akta Racun 1952 ke atas cysteamine; *its salts* dalam kosmetik bertonifikasi di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984

POISONS BOARD

The Poisons Board met twice in 2024 through the 99th and 100th meetings. The 99th Poisons Board Meeting was held on 30 January 2024 and decided the following matters:

- i. Classification of 17 chemicals as new poisons under the Poisons Act 1952 [Act 366]*
- ii. Listing of sodium hyaluronate in parenteral preparation as group C poison*
- iii. Maintaining the control of nicotine in lozeng preparations as a Group C poison*
- iv. Allowing the use of medications that are required and permitted in optometry services by the Malaysian Optical Council such as cyclopentolate, tropicamide, and proparacaine. This is only granted to registered optometrists*
- v. Maintaining the control of ibuprofen 200mg or less, as a Group C poison*

On 22 August 2024, the Director-General of Health officiated the ceremony and subsequently chaired the 100th Poison Board Meeting at the MOH, Putrajaya. During this milestone of the 100th meeting, the following decisions were made:

- i. Classification of 14 chemicals as new poisons under the Poisons Act 1952 [Act 366]*
- ii. Listing of 22 chemicals/ psychoactive substances from the decisions of the Commission on Narcotic Drugs Meeting as poisons, psychotropic substances, or dangerous drugs*
- iii. Not regulating cell gene and therapy products (CGTP) under the Act 366, but instead regulating it under the Sale of Drugs Act 1952 either through amending the Control of Drugs and Cosmetics and Regulations 1984 or gazetting a new Regulations*
- iv. Reclassifying aceclofenac in all preparations except in parenteral, from Group B poison to Group C*
- v. Exempting cysteamine; its salts in cosmetics which are notified under Control of Drugs and Cosmetics and Regulations 1984 from control under the Poisons Act 1952*



Mesyuarat Lembaga Racun ke-100
 100th Poisons Board Meeting

LEMBAGA IKLAN UBAT

Lembaga Iklan Ubat (LIU) dalam mesyuaratnya yang pertama bagi sesi tahun 2024 pada 12 Mac 2024, telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Sijil ISO 15189 merupakan dokumen utama bagi tujuan pengesahan status makmal perubatan swasta. Hanya perkhidmatan atau ujian yang telah mendapat akreditasi melalui pensijilan ISO 15189 dibenarkan untuk ditawarkan atau diiklankan.
- LIU telah menetapkan polisi bahawa paparan harga ubat yang mengandungi maklumat seperti harga jualan, nama generik, nama dagangan, dan bahan aktif di fasiliti penjagaan kesihatan swasta tidak tertakluk di bawah Seksyen 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Oleh itu, kelulusan LIU tidak diperlukan.
- Panduan baru akan diwujudkan sebagai rujukan kepada industri untuk iklan produk dan perkhidmatan kesihatan yang tidak memerlukan kelulusan LIU.

Manakala Lembaga Iklan Ubat dalam sesi mesyuaratnya yang ke-2 bagi tahun 2024 iaitu pada 12 November 2024 telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Pengiklanan perkhidmatan konsultasi dan rawatan pesakit secara dalam talian/ *telemedicine/ teleconsultation* tidak boleh diiklankan sehingga mekanisme pendaftaran perkhidmatan ini diwujudkan.
- LIU tidak meluluskan iklan promosi peranti perubatan dengan paparan jenama serta spesifikasi yang jelas.
- Iklan perkhidmatan di *billboard* fasiliti kesihatan yang memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 memerlukan kelulusan daripada LIU.

MEDICINE ADVERTISEMENTS BOARD

The Medicine Advertisements Board (MAB) on its first meeting for the 2024 session that was conducted on 12 March 2024 has decided the following matter:

- The ISO 15189 certificate is the primary document for verifying the status of private medical laboratories. Only services or tests that have been accredited through ISO 15189 certification are permitted to be offered or advertised.
- MAB has established a policy stating that the display of medicine prices containing information such as the selling price, generic name, trade name, and active ingredients at private healthcare facilities is not subject to Section 4B of the Medicines (Advertisement and Sale) Act 1956. Therefore, MAB approval is not required.
- A new guideline will be established as a reference for advertisements of health products and services that do not require MAB approval.

While Medicine Advertisements Board in its second meeting for the 2024 session on 12 November 2024 has decided the following matters:

- The advertisement of online/ *telemedicine/ teleconsultation* patient consultation and treatment services remains prohibited until a registration mechanism for such services is established.
- MAB does not approve advertisements promoting medical devices with clear brand and specification displays.
- Advertisements for services on billboards at healthcare facilities that fall under the provisions of Section 4A of the Medicines (Advertisement and Sale) Act 1956 require approval from MAB.



Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat Bil. 2/2024
Medicine Advertisements Board Meeting No. 2/2024

KEMPEN TOLAK UBAT TIDAK SAH (TOBATS)

Kempen Tolak Ubat Tidak Sah atau singkatan rasminya TOBaTS adalah inisiatif baru BPF dalam memerangi penjualan dan pengiklanan ubat-ubatan yang menyalahi undang-undang di Malaysia. Kempen ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia pada 20 November 2024. Objektif utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam khususnya pengguna dan pemegang taruh tentang bahaya dan risiko penggunaan ubat tidak sah, pengiklanan ubatan tanpa kelulusan KKM serta memastikan pengguna mendapatkan bekalan ubat mereka daripada sumber yang sah sahaja.

Seiring dengan kempen ini, sejumlah 1,819 aktiviti kesedaran telah dijalankan sepanjang tahun 2024 oleh BPF di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti ini meliputi libat urus, ceramah, pameran dan dialog bersama pemegang taruh, temu bual di stesen radio dan televisyen serta hebahan di medium digital melibatkan portal rasmi PPF di <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats> dan platform media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram dan TikTok (@Penguatkuasaan Farmasi) selaras dengan trend dan perkembangan semasa.



Pelancaran Kempen Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS)
The Launching of Say No to Illegal Medicines (TOBaTS) Campaign

SAY NO TO ILLEGAL MEDICINES (TOBATS) CAMPAIGN

The Say No to Illegal Medicines Campaign or its official abbreviation TOBaTS was the latest initiative of the PED in combating the sale and advertisement of medicinal products in contravention to the law being enforced. This campaign was officially launched by the Honourable Minister of Health, Malaysia, on 20 November 2024. The main objectives of this campaign are to raise public awareness, particularly among consumers and stakeholders, about the dangers and risks associated with the use of illegal medicines, the advertising of medicines without approval, and to ensure that consumers obtain their medications only from legitimate sources.

As part of this campaign, a total of 1,819 awareness activities were carried out throughout 2024 by PED nationwide. These activities included engagements, talks, exhibitions, and dialogues with stakeholders, interviews on radio and television stations, as well as dissemination through digital platforms, involving the official portal of the PSP at <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats> and official social media platforms such as Facebook, Instagram, and TikTok (@Penguatkuasaan Farmasi), in line with current trends and developments.



MESYUARAT BAGI MEMBINCANGKAN PEMANTAPAN KAWAL SELIA KE ATAS PENGIKLANAN DAN PENJUALAN PRODUK UBAT DAN KOSMETIK DALAM PLATFORM E-DAGANG

BPF telah mengadakan mesyuarat bersama pelbagai pemegang taruh iaitu NPRA, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG), *Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)*, *Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)*, *Cosmetic, Toiletries And Fragrance Association (CTFA)* dan *Malaysian Cosmetics And Toiletries Industry Group (MCTIG)* pada 26 Mac 2024 bertempat di pejabat PPF. Seterusnya beberapa siri mesyuarat BPF bersama Shopee Malaysia dan Lazada Malaysia telah diadakan pada 11 Jun 2024, 25 November 2024 dan 12 Disember 2024.

Mesyuarat ini membincangkan inisiatif perkongsian awam-swasta secara sukarela bertujuan untuk meningkatkan kawal selia ke atas pengiklanan dan penjualan produk ubat-ubatan serta kosmetik di platform e-dagang dalam Malaysia. BPF merancang untuk mengadakan Deklarasi Komitmen Strategik Bersama Pengendali Platform e-Dagang iaitu Shopee Malaysia dan Lazada Malaysia.

MEETING TO DISCUSS ON STRENGTHENING CONTROL OF ADVERTISEMENT AND SALE OF DRUG AND COSMETIC PRODUCTS IN E-MARKETPLACE PLATFORMS

A meeting was successfully held on 26 March 2024 between the PED with various relevant stakeholders from the NPRA, Ministry of Domestic Trade and Costs of Living (KPDN), Malaysian Communications and Multimedia Content Forum (CMCF), Malaysian Pharmacists Society (MPS), Malaysian Community Pharmacy Guild (MCPG), Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA), Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI), Cosmetic, Toiletries And Fragrance Association (CTFA) and Malaysian Cosmetics And Toiletries Industry Group (MCTIG). The meeting was organized and convened at the office of PSP. Several series of meetings between PED with Shopee Malaysia and Lazada Malaysia were held on 11 June 2024, 25 November 2024 and 12 December 2024.

The meetings discussed voluntary public-private partnership initiatives aimed at enhancing the control of advertisement and sale of drug and cosmetic products in local e-marketplace platforms. PED plans to hold a Declaration of Strategic Commitment with the giant e-marketplace platform operators in Malaysia, namely Shopee Malaysia and Lazada Malaysia.



Mesyuarat BPF Bersama Pemegang Taruh Pada 26 Mac 2024
PED Meeting with Stakeholders on 26 March 2024



Mesyuarat BPF bersama Shopee Malaysia dan Lazada Malaysia pada 11 Jun 2024
PED Meeting with Shopee Malaysia and Lazada Malaysia on 11 June 2024



KURSUS PEMANTAPAN KAWALAN BAHAN TERKAWAL 2024

Kursus Pemantapan Kawalan Bahan Terkawal 2024 telah diadakan pada 2 September 2024 di Hotel Lexis, Port Dickson. Kursus ini memberi penekanan terhadap pelaksanaan aktiviti kawalan dan pemantauan bahan terkawal iaitu dadah berbahaya, bahan psikotropik, bahan kimia prekursor dan bahan terkawal lain oleh BPF, agensi kerajaan serta pihak berkepentingan yang lain.

BPF selaku Pihak Berkuasa Berwibawa bagi konvensyen antarabangsa yang mengawal bahan terkawal telah melaksanakan pelbagai kawalan bagi memastikan pembekalan bahan terkawal adalah untuk tujuan yang sah. Kawalan ini penting bagi mengelakkan pemesanan dan penyalahgunaan bahan terkawal bagi tujuan penghasilan dadah haram serta kegunaan tidak sah yang lain.

COURSE ON STRENGTHENING CONTROL OF CONTROLLED SUBSTANCE 2024

The Course on Strengthening Control of Controlled Substance 2024 was held on 2 September 2024, at Hotel Lexis, Port Dickson. This course emphasized the implementation of control and monitoring activities for controlled substances, including dangerous drugs, psychotropic substances, precursor chemicals, and other controlled substances by PED, government agencies, and other stakeholders.

PED, as the Competent Authority for international conventions regulating controlled substances, has implemented various controls to ensure that the supply of controlled substances is for legitimate purposes. These controls are crucial to prevent the diversion and misuse of controlled substances for the production of illicit drugs and other illegal uses.



Kursus Pemantapan Kawalan Bahan Terkawal 2024
Course on Strengthening Control of Controlled Substance 2024

KURSUS FORENSIK FARMASI

Kursus Forensik Farmasi telah berlangsung dengan jayanya pada 26-28 Ogos 2024. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada Pegawai Penguat kuasa Farmasi mengenai pelbagai disiplin dalam bidang forensik. Sebagai agensi peneraju dalam memerangi jenayah farmaseutikal, penguatkuasaan farmasi memerlukan pemahaman yang meluas dan komprehensif terhadap elemen-elemen pembuktian yang kompleks dan rumit.

Selama ini, BPF telah memiliki kepakaran yang signifikan dalam bidang Forensik Kimia dan Forensik Siber. Namun, kursus ini menekankan keperluan untuk memperluas cakupan kepada disiplin forensik lain, seperti Forensik Toksikologi, DNA, Cap Jari, Biometrik, Kenderaan, Dokumen, dan Audio Visual, bagi memastikan kesiapsiagaan pegawai dalam menghadapi cabaran siasatan farmaseutikal yang semakin rumit.

PHARMACY FORENSIC COURSE

The Pharmacy Forensics Course was successfully held from 26-28 August 2024. This course aimed to provide deeper exposure to Pharmacy Enforcement Officers on various disciplines in the field of forensics. As the leading agency in combating pharmaceutical crimes, pharmacy enforcement requires a broad and comprehensive understanding of the complex and intricate elements of evidence.

To date, the PED has developed significant expertise in the fields of Chemical Forensics and Cyber Forensics. However, this course emphasized the need to expand the scope to include other forensic disciplines, such as Toxicology, DNA, Fingerprints, Biometrics, Vehicles, Documents, and Audio-Visual Forensics, to ensure the readiness of officers in tackling increasingly complex pharmaceutical investigations.



Kursus Forensik Farmasi
Pharmacy Forensic Course

SEMINAR PEMANTAPAN TINDAKAN OPERASI BERKAITAN LABEL KESELAMATAN HOLOGRAM

Seminar Pemantapan Tindakan Operasi Berkaitan Label Keselamatan Hologram telah dijalankan pada 21-23 Oktober di The Straits Hotel & Suites Melaka yang disertai pegawai penguat kuasa farmasi dari BPF dan CPF Negeri seluruh negara. Penganjuran seminar ini adalah hasil kerjasama antara BPF dan pembekal label keselamatan hologram Syarikat Techno Secure Print Sdn. Bhd.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memantapkan pengetahuan pegawai penguat kuasa farmasi berkenaan pemalsuan produk dan pelekat label keselamatan hologram. Pegawai penguat kuasa farmasi dapat mempelajari pengalaman serta cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan lain berkenaan pemalsuan produk dan pelekat label keselamatan hologram.

SEMINAR ON STRENGTHENING OPERATIONAL ACTIONS RELATED TO SECURITY HOLOGRAM LABELS

The Seminar on Strengthening Operational Actions Related to Security Hologram Labels was held from 21-23 October at The Straits Hotel & Suites Melaka, attended by enforcement officers from the PED and State PEB across the country. This seminar was organized through a collaboration between PED and the security hologram label vendor, Techno Secure Print Sdn. Bhd.

The seminar aimed to improve the knowledge of pharmacy enforcement officers on counterfeit products and security hologram labels. It allowed the officers to gain insights into the experiences and challenges encountered by other enforcement agencies in dealing with counterfeit products and security hologram labels.



Seminar Pemantapan Tindakan Operasi Berkaitan Label Keselamatan Hologram
Seminar on Strengthening Operational Actions Related to Security Hologram Labels

KURSUS PENGENALAN KEPADA KELULUSAN KHAS YANG DIKELUARKAN OLEH PPF

Kursus Pengenalan Kepada Kelulusan Khas Yang Dikeluarkan oleh PPF telah dianjurkan untuk julung-julung kali oleh Cawangan Perundangan, BPF dan telah berlangsung selama tiga (3) hari, iaitu dari 14-16 Mei 2024. Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pegawai penguat kuasa farmasi terutama pegawai di negeri yang mempunyai pintu masuk terhadap kelulusan khas yang dikeluarkan oleh PPF. Selain itu, menerusi kursus ini, pihak penganjur berhasrat untuk mengetahui dan memahami isu-isu atau kesukaran yang dialami oleh pegawai penguat kuasa farmasi di lapangan supaya urusan penilaian dan pengeluaran kelulusan khas oleh PPF boleh ditambah baik. Kursus berjalan dengan lancar dan dihadiri oleh 45 pegawai penguat kuasa farmasi dari semua CPF negeri dan juga dari BPF.

Sebanyak lapan (8) slot ceramah melibatkan sesi penyampaian maklumat, perkongsian pengalaman, kajian kes dan juga kuiz telah dijalankan oleh tujuh (7) penceramah, termasuk penceramah jemputan dari BAPF, NPRA, CPF Negeri Johor dan CPF Negeri Sabah. Maklum balas daripada peserta di akhir kursus sangat positif di mana kebanyakan peserta menyarankan agar kursus ini diadakan secara berterusan untuk pegawai penguat kuasa farmasi yang bertugas di pintu masuk dan diperluaskan kepada semua pegawai penguat kuasa farmasi secara umum.

COURSE ON INTRODUCTION TO SPECIAL APPROVALS ISSUED BY THE PSP

Course on Introduction to Special Approvals Issued by the PSP was organized for the first time by the Legislation Branch of PED, and took place over three (3) days, from 14-16 May 2024. The aim of this course is to provide an understanding to pharmacy enforcement officers, particularly those in states with entry points, regarding the special approvals issued by the PSP. Additionally, through this course, the organizer intended to learn about and understand the issues or challenges faced by pharmacy enforcement officers in the field, so that the evaluation and issuance of special approvals by the PSP can be improved. The course proceeded smoothly and was attended by 45 pharmacy enforcement officers from all State PEB and the PED.

A total of eight (8) lecture slots were held, which included information sessions, experience sharing, case studies, and quizzes, delivered by seven (7) speakers, including invited speakers from the BAPF, NPRA, PEB of Johor, and PEB of Sabah. Feedback from participants at the end of the course was very positive, with most participants suggesting that this course be conducted continuously for pharmacy enforcement officers working at entry points and expanded to all pharmacy enforcement officers in general.



Kursus Pengenalan Kepada Kelulusan Khas Yang Dikeluarkan Oleh PPF
Course on Introduction to Special Approvals Issued by the PSP

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES

TAJUK TITLE	Bengkel Pemurnian Draf Rang Undang-Undang Jualan Dadah (Pindaan) 2024 <i>Workshop on the Refinement of the Draft Sale of Drugs (Amendment) Bill 2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	27-29 Mei 2024, Colmar Tropicale, Berjaya Hill, Bukit Tinggi, Pahang <i>27-29 May 2024, Colmar Tropicale, Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang</i>
PESERTA PARTICIPANT	41 pegawai dari setiap Bahagian di bawah PPF, CPF Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-Undang, KKM <i>41 officers from each Division of the PSP, State PEB, and the Legal Advisor's Office, MOH</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Bengkel ini diadakan untuk memurnikan draf Rang Undang-Undang Jualan Dadah (Pindaan) 2024. Draf tersebut akan dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang, KKM untuk semakan dan seterusnya untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara. Kehadiran wakil dari Pejabat Penasihat Undang-undang, KKM dalam bengkel ini telah dimanfaatkan sepenuhnya bagi mendapatkan pandangan dari aspek perundangan dalam memastikan draf tersebut selaras dengan dasar KKM dan juga undang-undang lain. <i>This workshop was held to refine the draft of the Sales of Drugs (Amendment) Bill 2024. The draft will be submitted to the Legal Advisor's Office, MOH for review and subsequently for the approval of the Attorney General's Chambers. The representatives from the Legal Adviser's Office, MOH attended this workshop to advise and give views on legal aspects to ensure that the proposed amendments are in line with MOH policy and also other laws.</i>
HASIL OUTCOME	Secara keseluruhan , objektif bengkel ini telah dicapai dengan jayanya. <i>The objectives of this workshop were successfully achieved.</i>



TAJUK TITLE	Sesi Libat Urus bersama Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) dan <i>Malaysian Community Pharmacy Guild</i> (MCPG) berkenaan Isu Penjualan Racun oleh Ahli Farmasi <i>Engagement Session with the Malaysian Pharmacists Society (MPS) and Malaysian Community Pharmacy Guild (MCPG) on the Issue of Poison Sales by Pharmacists</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	3 September 2024, Hotel KSL Esplanade, Klang <i>3 September 2024, KSL Esplanade Hotel, Klang</i>
PESERTA PARTICIPANT	100 peserta dari MPS, MCPG, CPF negeri dan BPF <i>100 participants from MPS, MCPG, State PEB and PED</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan cadangan langkah-langkah yang boleh diambil bersama untuk mengatasi masalah penjualan racun tanpa preskripsi. • Menyampaikan maklumat bagi meningkatkan kesedaran pemegang taruh (ahli persatuan) dalam memainkan peranan yang berkesan dalam mengatasi masalah penjualan racun tanpa preskripsi disamping mendorong pematuhan yang lebih baik terhadap peraturan farmasi. • <i>Propose joint measures that can be taken to address the issue of poison sales without a prescription.</i> • <i>Provide information to raise awareness among stakeholders (association members) about their role in effectively addressing the issue of poison sales without a prescription while encouraging greater compliance with pharmacy regulations.</i>
HASIL OUTCOME	Sesi libat urus telah berjaya dilaksanakan. <i>The engagement session was successfully conducted.</i>

TAJUK TITLE	Sesi Libat Urus bersama: <i>Engagement Session with:</i> KOTRA PHARMA 26 April 2024 – 7 peserta <i>26 April 2024 – 7 participants</i> BREGO LIFE SCIENCES SDN. BHD. 10 Mei 2024 – 12 peserta <i>10 May 2024 – 12 participants</i> ASTRAZENECA SDN. BHD. 13 Jun 2024 – 10 peserta <i>13 June 2024 – 10 participants</i> SANOFI-AVENTIS (MALAYSIA) SDN. BHD. 25 Julai 2024 – 10 peserta <i>25 July 2024 – 10 participants</i>
TARIKH DATE	26 April 2024; 10 Mei 2024; 13 Jun 2024; 25 Julai 2024 <i>26 April 2024; 10 May 2024; 13 June 2024; 25 July 2024</i>
TEMPAT VENUE	BPF <i>PED</i>
PESERTA PARTICIPANT	7; 12; 10; 10 orang <i>7; 12; 10; 10 persons</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Mewujudkan kerjasama dan persefahaman berhubung isu pendaftaran produk terutamanya yang melihatkan isu produk <i>counterfeit</i> . <i>Creating cooperation and understanding regarding product registration issues, especially those involving counterfeit product issues.</i>
HASIL OUTCOME	Sesi libat urus ini meningkatkan pemahaman syarikat/ pengadu terhadap isu berkaitan produk <i>counterfeit</i> dan status pengelasan produk. <i>This engagement session enhanced the company's/ complainant's understanding of issues related to counterfeit products and product classification status.</i>

TAJUK TITLE	Mesyuarat BPF bersama Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) <i>Meeting Between the PED and the Chemical Industries Council of Malaysia (CICM)</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	29 Julai 2024, BPF <i>29 July 2024, PED</i>
PESERTA PARTICIPANT	19 Peserta (14 daripada BPF dan 5 daripada CICM) <i>19 Participants (14 from PED and 5 from CICM)</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Meningkatkan kawalan terhadap penggunaan bahan kimia di Malaysia melalui jalinan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta <i>Enhancing control over the use of chemicals in Malaysia through collaboration between government and private agencies</i>
HASIL OUTCOME	Perbincangan dua hala bagi menetapkan hala tuju kerjasama antara BPF dan CICM seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Penetapan titik fokus dan medium sebaran maklumat bagi menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kawalan bahan kimia. • Penglibatan bersama dalam program yang dijalankan oleh kedua-dua belah pihak. • Mengadakan sesi dialog secara berkala antara BPF dan ahli CICM. <i>Bilateral discussions to establish the direction of collaboration between PED and CICM, including:</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Designation of focal points and information dissemination mediums for sharing updates related to chemical control.</i> • <i>Joint participation in programmes organized by both parties.</i> • <i>Regular dialogue sessions between PED and CICM members.</i>



TAJUK TITLE	Mesyuarat Pasukan Petugas Prekursor, Narkotik dan Psikotropik Bil. 1/2024 <i>Precursor, Narcotics, and Psychotropic Task Force Meeting No. 1/2024</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	24 September 2024, BPF <i>24 September 2024, PED</i>
PESERTA PARTICIPANT	23 peserta (15 peserta daripada BPF dan 8 Peserta daripada agensi luar) <i>23 participants (15 participants from PED and 8 participants from external agencies)</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan jalinan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan yang lain dalam kawalan prekursor, psikotropik dan narkotik. • Medium untuk perkongsian maklumat, perbincangan isu-isu dan cabaran, merangka pelan tindakan serta menetapkan halatuju dalam mengukuhkan mekanisma kawalan prekursor, psikotropik dan narkotik. • <i>Establishing collaborative partnerships between enforcement agencies for the control of precursors, psychotropics, and narcotics.</i> • <i>Serving as a platform for information sharing, discussion of issues and challenges, development of action plans, and setting the direction to strengthen control mechanisms for precursors, psychotropics, and narcotics.</i>
HASIL OUTCOME	Pembentangan daripada agensi-agensi (BPF, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kimia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan) berkaitan kes-kes rampasan dadah terkini. <i>Presentations by agencies (PED, Royal Malaysia Police, Royal Malaysian Customs Department, Malaysian Maritime Enforcement Agency, Department of Chemistry, and the National Anti-Drug Agency) regarding recent drug seizure cases.</i>



TAJUK <i>TITLE</i>	Sesi Libat Urus bersama Ahli Farmasi bagi Pengukuhan Kawalan Penjualan Compounded Preparation yang Disediakan melalui Aktiviti Compounding di Premis Farmasi Komuniti <i>Engagement Session with Pharmacists for Strengthening the Control of Compounded Preparations Sold Through Compounding Activities at Community Pharmacy Premises</i>
TARIKH/ TEMPAT <i>DATE/ VENUE</i>	19 Julai 2024, Jabatan Perdana Menteri <i>19 July 2024, Prime Minister's Department</i>
PESERTA <i>PARTICIPANT</i>	<p>45 peserta: 26 ahli farmasi komuniti 1 wakil Persatuan Ahli Farmasi Malaysia (MPS) 2 wakil Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) 2 wakil Persatuan Farmasi Bumiputera 6 peserta dari BPF 2 peserta dari BAPF 2 peserta dari NPRA 4 peserta dari CPF negeri</p> <p>45 participants: <i>26 community pharmacists</i> <i>1 representative from the MPS</i> <i>2 representatives from the MCPG</i> <i>2 representatives from the Malaysian Bumiputera Pharmacy Association</i> <i>6 participants from PED</i> <i>2 participants from BAPF</i> <i>2 participants from NPRA</i> <i>4 participants from State PEB</i></p>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVE</i>	Menerangkan kepada ahli farmasi berdaftar/ berlesen yang menjalankan penjualan <i>compounded preparation</i> yang disediakan melalui aktiviti <i>compounding</i> di premis farmasi komuniti berkenaan pelaksanaan bagi pengukuhan kawalan terhadap aktiviti <i>compounding</i> di premis farmasi komuniti. <i>Explain to registered/ licensed pharmacists who are involved in the sale of compounded preparations prepared through compounding activities at community pharmacy premises regarding the implementation of strengthened control over compounding activities at community pharmacy premises.</i>
HASIL <i>OUTCOME</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan pengukuhan kawalan terhadap aktiviti <i>compounding</i> di premis farmasi komuniti melalui proses notifikasi melibatkan semua <i>compounded preparation</i> oleh ahli farmasi berdaftar/ berlesen kepada Pengarah BPF. • Proses notifikasi ini adalah bagi memenuhi keperluan syarat lesen pemegang lesen Jenis A di di premis farmasi komuniti yang menjalankan aktiviti <i>compounding</i> mulai tahun 2025. • <i>The implementation of strengthened control over compounding activities at community pharmacy premises through a notification process to the Director of the PED involving all compounded preparations by registered/ licensed pharmacists.</i> • <i>This notification process is to fulfil the requirements of the Type A license holder at community pharmacy premises that engage in compounding activities starting from the year 2025.</i>



TAJUK TITLE	Hari Kesedaran Farmasi – Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS) <i>Pharmacy Awareness Day – Say No To Illegal Medicine (TOBaTS)</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	21 Mei 2024, Hotel Everly, Putrajaya <i>21 May 2024, Everly Hotel, Putrajaya</i>
PESERTA PARTICIPANT	300 peserta daripada Ibu Pejabat KKM, Putrajaya dan Agensi-agensi kerajaan di sekitar Putrajaya <i>300 participants from the MOH headquarters in Putrajaya and other government agencies within the vicinity</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Meningkatkan kesedaran berhubung Kempen TOBaTS dan pembelian ubat yang selamat. <i>Increase awareness toward the TOBaTS Campaign and the safe purchasing of medicine.</i>
HASIL OUTCOME	Peserta dapat memahami cara menyemak status sesuatu produk ubat sebelum membuat pembelian. <i>Participant is able to check and verify status of the medicinal product before purchasing it.</i>



TAJUK TITLE	Latihan Sistem <i>Enterprise Resource Planning (ERP)</i> Label Keselamatan Hologram FarmaTag™ kepada Industri <i>Training on the Enterprise Resource Planning (ERP) System for FarmaTag™ Hologram Security Label to the Industry</i>
TARIKH/ TEMPAT DATE/ VENUE	12 November 2024, Hotel Grand Dorsett, Subang <i>12 November 2024, Grand Dorsett Hotel, Subang</i>
PESERTA PARTICIPANT	197 peserta yang mewakili 118 syarikat <i>197 participants representing 118 companies</i>
OBJEKTIF OBJECTIVE	Memberikan pendedahan kepada pihak industri mengenai pelaksanaan dan pengurusan sistem ERP label keselamatan hologram FarmaTag™, serta memberi galakan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan modul <i>label assignment</i> . <i>Provide exposure to the industry regarding the implementation and management of FarmaTag™ hologram security label ERP system, as well as to encourage and increase awareness of the importance of the label assignment module.</i>



3.0 PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN | ACHIEVEMENT AND RECOGNITION

PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) FARMASI KE-12 TAHUN 2024

Secara keseluruhannya sebanyak 16 kajian R&D oleh Pegawai Penguat kuasa Farmasi dari seluruh negara telah terpilih untuk dibentangkan dalam persidangan ini termasuk empat (4) kajian daripada BPF. Jumlah ini melibatkan sepuluh (10) kajian dalam kategori poster (3 kajian daripada BPF) dan enam (6) kajian dalam kategori oral (1 kajian daripada BPF).

Kajian oleh Cik Hii Lu Yien daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sabah bertajuk 'Exploring the Issues and Challenges of Prosecution Faced by Pharmacy Enforcement Division in Malaysia' telah memenangi kategori Oral – Trek 1 manakala 1 kajian daripada BPF bertajuk 'Retrospective Study of Illegal Medicines Advertisements in Local e-Marketplace Platforms' oleh Cik Yap Fei Ting telah memenangi hadiah saguhati bagi kategori poster.

PENGHARGAAN KEPADA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

React merupakan sebuah organisasi global yang mempunyai 30 tahun pengalaman dalam memerangi barangan palsu (*counterfeit*) dengan keahlian sebanyak 350 perniagaan. Organisasi ini mempunyai dua fungsi utama iaitu:

- i. Memberi sokongan kepada ahli dalam strategi anti-pemalsuan dengan menyediakan perkhidmatan 'kastam-dalam talian-dan penguatkuasaan' dengan bayaran bukan komersial
- ii. Memberi sokongan terhadap aktiviti untuk melindungi semua pemegang hak, pengguna dan kerajaan daripada kesan negatif perdagangan barangan tiruan

Setiap tahun, React akan mengadakan Latihan Serantau dan Bengkel Pengenalan Produk kepada agensi penguatkuasaan dan ahli-ahlinya. BPF telah dijemput sebagai ahli panel perbincangan bagi sesi latihan ini semenjak 2022.

Pada tahun ini, BPF telah diberi penghargaan oleh React dalam sesi Latihan Serantau dan Bengkel Pengenalan Produk yang diadakan di Luang Prabang, Laos. Penghargaan ini diberikan kerana usaha BPF dalam memerangi produk farmaseutikal haram. Ini termasuk bukan sahaja usaha menjalankan siasatan dan aktiviti penguatkuasaan, malah usaha dalam menangani produk farmaseutikal *counterfeit* dalam talian melalui sekatan akses, pemantauan platform e-dagang, menangani pemasangan produk-produk farmaseutikal tersebut serta menjalankan program kesedaran.

Penghargaan yang diberikan ini adalah bertepatan dengan slogan dan komitmen BPF iaitu Penguatkuasaan Farmasi: Agensi Peneraju dalam Memerangi Jenayah Farmaseutikal.

12TH NATIONAL PHARMACY RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D) CONFERENCE 2024

A total of 16 R&D research by Pharmacy Enforcement Officers from across the country were selected to be presented at this conference, including four (4) research from the PED. This number includes ten (10) research in the poster category (3 from PED) and six (6) research in the oral category (1 from PED).

A research by Ms. Hii Lu Yien from the Sabah State Pharmacy Enforcement Branch entitled 'Exploring the Issues and Challenges of Prosecution Faced by Pharmacy Enforcement Division in Malaysia' won the Oral – Track 1 category while a research from PED entitled 'Retrospective Study of Illegal Medicines Advertisements in Local e-Marketplace Platforms' by Ms. Yap Fei Ting won the consolation prize for the poster category.

APPRECIATION TO THE PHARMACY ENFORCEMENT DIVISION


React is a not-for-profit global organization with over 30 years of experience in combating counterfeit goods with 350 business members across all industry sectors. This organization has two main functions:

- i. Supporting members in their anti-counterfeiting strategies by providing customs-online-market enforcement services at non-commercial fees
- ii. To support activities to protect all rights holders, consumers and governments against the negative consequences of the trade in counterfeit goods

Each year, React conducts Regional Training and Product Introduction Workshops for enforcement agencies and their members. Since 2022, the PED has been invited to participate as a member of the discussion panel for these training sessions.

This year, the PED was recognized by React during the Regional Training Session and Product Identification Workshop held in Luang Prabang, Laos. This recognition was awarded for the division's efforts in combating illegal pharmaceutical products. These efforts include not only conducting investigations and enforcement activities but also addressing counterfeit pharmaceutical products online through access restrictions, e-commerce platforms monitoring, tackling product diversion, and conducting awareness programmes.

This award aligns with the slogan and commitment of the PED, namely Pharmacy Enforcement: A Leading Agency in Combating Pharmaceutical Crimes.



Penghargaan kepada BPF dalam Memerangi Produk Farmaseutikal Haram oleh Organisasi React di Laos
Appreciation to the PED for Combating Illegal Pharmaceutical Products by the React Organization in Laos

4.0 PENERBITAN DAN KAJIAN | PUBLICATION AND RESEARCH

CODE OF PRACTICE FOR TRADE AND INDUSTRY 2024

Code of Practice for Trade and Industry 2024 – To Prevent Diversion of Chemicals for the Illicit Manufacture of Narcotic Drugs telah diterbitkan buat pertama kali dalam bentuk PDF dan dimuat naik di laman sesawang www.pharmacy.gov.my untuk memudahkan rujukan oleh industri.

Kod Amalan ini adalah secara sukarela, dengan jangkaan bahawa akan wujud pengaturan sendiri antara industri, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan komuniti.

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Permerdagangan Haram Dadah Narkotik dan Bahan Psikotropik, 1988 (Konvensyen 1988) menghendaki Negara Ahli mengambil langkah yang sesuai untuk mencegah pemerosongan bahan kimia prekursor dan bekerjasama antara satu sama lain dalam perkara ini. Malaysia, sebagai Negara Ahli, dikehendaki untuk menubuhkan dan mengekalkan sistem bagi memantau perdagangan antarabangsa bahan-bahan dalam Jadual I dan Jadual II Konvensyen 1988, untuk memudahkan pengenalan transaksi yang mencurigakan. Kod ini digunakan sebagai pelengkap kepada perundangan kebangsaan sedia ada selaras dengan Artikel 12 Konvensyen 1988.

CODE OF PRACTICE FOR TRADE AND INDUSTRY 2024

Code of Practice for Trade and Industry 2024 – To Prevent Diversion of Chemicals for the Illicit Manufacture of Narcotic Drugs has been published for the first time in PDF format and uploaded to the website www.pharmacy.gov.my to facilitate reference for industries.

The Code of Practice is voluntary, with the expectation of self-regulatory arrangements between the industry, law enforcement agencies and the community.

The United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances, 1988 (1988 Convention) requires States Parties to take appropriate measures to prevent diversion of precursor chemicals and to cooperate with one another in this matter. Malaysia as a State Party is required to establish and maintain a system to monitor the international trade of substances in Table I and Table II of the 1988 Convention, in order to facilitate the identification of suspicious transactions. The Code is used as a supplement to existing national legislation in line with the spirit of Article 12 of the 1988 Convention.

PENERBITAN E-BULETIN KKKLIU EDISI 01/2024, 02/2024 DAN 03/2024

Penerbitan E-Buletin KKKLIU ini merupakan medium untuk Sekretariat Lembaga Iklan Ubat menyampaikan maklumat terkini dan juga berkongsi sebarang pindaan yang dibuat kepada polisi atau garis panduan sedia ada yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat. Maklumat yang dikongsikan dalam E-Buletin ini adalah dalam bentuk penjelasan grafik dan ringkas untuk memudahkan rujukan dan pemahaman semua.

Sekretariat Lembaga Iklan Ubat telah berjaya menerbitkan E-buletin KKKLIU Edisi 01/2024 pada 9 Februari 2024, E-Buletin KKKLIU Edisi 02/2024 pada 16 Julai 2024 dan E-Buletin KKKLIU Edisi 03/2024 pada 22 Januari 2025. E-Buletin KKKLIU ini boleh dimuat turun di Portal Farmasi www.pharmacy.gov.my.

PUBLICATION OF E-BULLETIN KKKLIU EDITION 01/2024, 02/2024 AND 03/2024

The publication of this E-Bulletin KKKLIU serves as a medium for the Secretariat of Medicine Advertisements Board to convey the latest information and share any amendments made to existing policies or guidelines decided during the Medicine Advertisements Board Meeting. The information shared in this E-Bulletin is presented in the form of concise and graphical explanations for easy reference and understanding by all.

The Secretariat of Medicine Advertisements Board has successfully published E-Bulletin KKKLIU Edition 01/2024 on 9 February 2024, E-Bulletin KKKLIU Edition 02/2024 on 16 July 2024 and E-Bulletin KKKLIU Edition 03/2024 on 22 January 2025. These E-Bulletins can be downloaded from Pharmacy Portal www.pharmacy.gov.my.



Penerbitan E-Buletin KKKLIU Edisi 01/2024, 02/2024 dan 03/2024
Publishing of E-Bulletin KKKLIU Edition 01/2024, 02/2024 and 03/2024



5.0 KOLABORASI DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL COLLABORATION AND PARTICIPATION

67TH COMMISSION ON NARCOTIC DRUGS (CND)

Mesyuarat telah diadakan pada 18-22 Mac 2024 di Vienna, Austria yang bertujuan untuk membincangkan hala tuju serta dasar-dasar berkaitan permasalahan dadah, mempertingkatkan peranan CND dan memperkasakan program-program antidadah di peringkat antarabangsa yang menumpukan kepada pengurangan bekalan dadah, pengurangan permintaan dadah dan kerjasama antarabangsa. CND bertanggungjawab untuk mengawal selia pelaksanaan Konvensyen Dadah Antarabangsa, iaitu:

- i. *Single Convention on Narcotic Drugs, 1961*
- ii. *Convention on Psychotropic Substances, 1971*
- iii. *Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances, 1988*

Mesyuarat selama lima hari ini tertumpu kepada sesi plenari yang terbahagi kepada *operational segment* yang membincangkan perkara-perkara mengenai pengurusan dan bajet manakala *normative segment* membincangkan mengenai pelaksanaan komitmen negara serta perbincangan resolusi.

67TH COMMISSION ON NARCOTIC DRUGS (CND)

The meeting was held from 18-22 March 2024 in Vienna, Austria, with the aim of discussing the direction and policies related to drug issues, enhancing the role of the CND, and strengthening international anti-drug programmes that focus on reducing the supply of drugs, reducing drug demand, and fostering international cooperation. The CND is responsible for overseeing the implementation of the International Drug Conventions, namely:

- i. *Single Convention on Narcotic Drugs, 1961*
- ii. *Convention on Psychotropic Substances, 1971*
- iii. *Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances, 1988*

These five days meeting focuses on a plenary session divided into an operational segment, discussing matters related to management and budget, and a normative segment discussing the implementation of countries' commitments and resolution discussions.



67th Commission on Narcotic Drugs
67th Commission on Narcotic Drugs

REGIONAL TRAINING ON PRECURSOR CONTROL TOOLS

Kursus ini dianjurkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crimes (UNODC) Regional Southeast Asia and the Pacific* dengan kerjasama *International Narcotics Control Board (INCB)* pada 26-28 Mac 2024 di Bangkok, Thailand.

Kursus ini dapat mengukuhkan komunikasi dan mekanisme maklum balas dalam kalangan pihak berkuasa berwibawa negara di seluruh dunia untuk meningkatkan kecekapan sistem pemantauan antarabangsa terhadap kawalan bahan kimia prekursor serta memastikan ketersediaan bahan kimia prekursor untuk kegunaan yang sah sama ada untuk tujuan perubatan, kajian saintifik atau industri, serta mengelakkan pemesongan bahan kimia prekursor bagi penghasilan dadah secara haram.

REGIONAL TRAINING ON PRECURSOR CONTROL TOOLS

This training is organized by the United Nations Office on Drugs and Crimes (UNODC) Regional Southeast Asia and the Pacific, in collaboration with the International Narcotics Control Board (INCB) from 26-28 March 2024 in Bangkok, Thailand.

The course aims to strengthen communication and feedback mechanisms among competent national authorities worldwide to enhance the efficiency of the international monitoring system for precursor chemical control. It also seeks to ensure the availability of precursor chemicals for legitimate purposes, such as medical use, scientific research, or industry, while preventing the diversion of precursor chemicals for illicit drug production.



Regional Training on Precursor Control Tools
Regional Training on Precursor Control Tools

KUNJUNGAN HORMAT US DRUG ENFORCEMENT ADMINISTRATION (US DEA)

Satu kunjungan hormat daripada *United States Drug Enforcement Administration* (US DEA) telah diadakan pada 8 Mac 2024 bertempat di PPF. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam fungsi DEA dan peluang kerjasama yang lebih luas antara DEA dan BPF.

Penerangan ringkas telah diberikan mengenai fungsi jabatan, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan termasuk akta-akta yang dikuatkuasakan oleh BPF. Pihak DEA menyatakan kesudian untuk membantu siasatan yang dilakukan oleh pihak BPF yang memerlukan bantuan dan kepakaran daripada mereka. Kunjungan hormat ini diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang jalinan kerjasama antara DEA dan BPF dalam aktiviti penguatkuasaan farmasi.



Kunjungan Hormat US DEA
Courtesy Call from US DEA

SAMBUTAN HARI AKADEMI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA RANTAU ASIA (ILEA) 2024

Akademi Penguatkuasaan Undang-Undang Antarabangsa (ILEA) telah mengadakan Hari ILEA 2024 julung kalinya pada 15-16 Mei 2024 di kampus utama Bangkok, Thailand untuk menggalakkan alumni ILEA berkongsi "*Successful Story*" berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan di peringkat domestik dan antarabangsa. Objektif teras ILEA adalah untuk meningkatkan kapasiti, mengukuhkan perkongsian, dan memupuk hubungan agensi penguatkuasaan di serantau Asia.

Puan Diana Tan Ai Hsin, sebagai Alumni ILEA telah dijemput untuk menghadiri Hari ILEA 2024 ini dan beliau telah berkongsi kes serbuan Ops Pharma 1.0 & 2.0, Ops Runner dan Ops Gaukar-Maria Kim Network yang melibatkan kolaborasi antara BPF dengan agensi penguatkuasaan lain di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada 16 Mei 2024, satu lawatan sambil belajar telah diadakan di *Real Time Crime Centre, Central Investigation Bureau, Bangkok Thailand*.

COURTESY CALL FROM US DRUG ENFORCEMENT ADMINISTRATION (US DEA)

A courtesy visit from the United States Drug Enforcement Administration (US DEA) was held on 8 March 2024 at the PSP. The purpose of this courtesy visit was to learn more about the functions of the DEA and opportunities for broader cooperation between the DEA and PED.

A brief explanation was given about the functions of the department, enforcement activities carried out including acts enforced by the PED. The DEA expressed its willingness to assist in investigations carried out by the PED that require their assistance and expertise. It is hoped that this courtesy visit will open up more opportunities for cooperation between the DEA and PED in pharmacy enforcement activities.



REGIONAL CELEBRATION OF INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY (ILEA) DAY 2024

The International Law Enforcement Academy (ILEA) held the first ILEA Day 2024 on 15-16 May 2024 at the main campus in Bangkok, Thailand to encourage ILEA alumni to share "Successful Stories" related to enforcement activities at the domestic and international level. ILEA's core objective is to increase capacity, strengthen partnerships, and foster relationships among enforcement agencies in the Asian region.

Madam Diana Tan Ai Hsin, as an ILEA Alumni, was invited to attend ILEA Day 2024 and she shared the case of Ops Pharma 1.0 & 2.0, Ops Runner and Ops Gaukar-Maria Kim Network raids involving collaboration between the PED and other enforcement agencies in national and international level. On 16 May 2024, a study tour was held at the Real Time Crime Centre, Central Investigation Bureau, Bangkok Thailand.



Sambutan Hari ILEA 2024
Regional Celebration of ILEA Day 2024

KURSUS TREND TERKINI DADAH SINTETIK HARAM DAN TEKNIK PENGHASILAN DI *INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY* (ILEA) BANGKOK

Kursus Trend Terkini dalam Dadah Sintetik Haram dan Teknik Penghasilan telah dikendalikan oleh Akademi Penguatkuasaan Undang-undang Antarabangsa di Bangkok dan Pentadbiran Penguatkuasaan Dadah (DEA) dari 13-17 Mei 2024. Kursus ini telah diadakan di *International Law Enforcement Academy* (ILEA) Bangkok, Thailand. Kursus ini telah dihadiri oleh dua (2) pegawai penguat kuasa farmasi iaitu En. Mohd Helmi bin Mohd Yunos dan En. Mohammad Firdaus bin Abidin.

Objektif utama kursus ini adalah untuk menyediakan maklumat forensik teknikal mengenai trend terkini dalam dadah sintetik haram dan teknik penghasilannya di seluruh dunia. Ini termasuk penghasilan dadah menggunakan makmal dadah rahsia dengan menggunakan kaedah penghasilan terkini dan precursor baru. Peserta membincangkan mengenai pengenalan, penghasilan, analisis, dan pendekatan undang-undang yang terkini untuk mengawal dadah baru dan analognya seperti fentanyl, methamphetamine dan sebagainya.

EMERGING TRENDS IN ILLICIT SYNTHETIC DRUG AND PRODUCTION TECHNIQUES COURSE AT INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY (ILEA) BANGKOK

The Emerging Trends in Illicit Synthetic Drug and Production Techniques course was conducted by the International Law Enforcement Academy (ILEA) in Bangkok and the Drug Enforcement Administration (DEA) from 13-17 May 2024. The course was held at International Law Enforcement Academy Bangkok, Thailand. This course was attended by two (2) pharmacy enforcement officers, Mr. Mohd Helmi bin Mohd Yunos and Mr. Mohammad Firdaus bin Abidin.

The main objective of this course is to provide technical forensic information on the most current trends in synthetic drugs and emerging illicit drug production techniques being encountered around the world. This includes drug production using clandestine drug laboratories utilising new production methods and novel precursors. The participants discussed the identification, production, analysis, and legal approaches to control newer drugs and their analogues such as fentanyl, methamphetamine etc.



Kursus Trend Terkini Dadah Sintetik Haram Dan Teknik Penghasilan
Emerging Trends in Illicit Synthetic Drug and Production Techniques Course

MESYUARAT KE-13 MEKANISMA NEGARA ANGGOTA WORLD HEALTH ORGANIZATION (WHO) BAGI PRODUK PERUBATAN SUBSTANDARD DAN PALSU

Wakil daripada BPF telah menghadiri Mesyuarat ke-13 Mekanisme Negara Anggota WHO bagi Produk Perubatan Substandard dan Palsu, di Geneva, Switzerland pada 20-22 November 2024.

Mesyuarat ini mengumpulkan pakar, pihak berkepentingan, dan pihak berkuasa regulatori untuk memberi tumpuan kepada bidang utama seperti:

- Meningkatkan sistem pengesanan dan pelaporan bagi produk perubatan substandard dan palsu
- Memperbaiki rangka kerja dan dasar regulatori untuk menghalang peredaran produk perubatan yang tidak selamat dan tidak berkesan
- Menguatkan kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat antara negara, organisasi, dan industri
- Membangunkan strategi untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya produk perubatan substandard dan palsu dalam kalangan profesional kesihatan dan orang awam
- Menyokong negara dalam melaksanakan amalan terbaik untuk memerangi produk substandard dan palsu dan meningkatkan kapasiti regulatori

Matlamat keseluruhan adalah untuk memastikan semua produk perubatan yang tersedia di seluruh dunia adalah selamat, berkesan, dan berkualiti tinggi, seterusnya melindungi kesihatan awam dan menyokong usaha global untuk memerangi kemudaratan yang disebabkan oleh ubat-ubatan substandard dan palsu.

WORLD HEALTH ORGANIZATION (WHO) 13TH MEETING OF THE MEMBER STATE MECHANISM ON SUBSTANDARD AND FALSIFIED (SF) MEDICAL PRODUCTS

A representative from the PED attended the WHO Thirteenth Meeting of the Member State Mechanism on Substandard and Falsified (SF) Medical Products in Geneva, Switzerland, from 20-22 November 2024.

The meeting brought together experts, stakeholders, and regulatory authorities to focus on key areas such as:

- *Enhancing systems for the detection and reporting of substandard and counterfeit medical products*
- *Improving regulatory frameworks and policies to prevent the circulation of unsafe and ineffective medical products*
- *Strengthening international cooperation and information sharing between countries, organizations, and industries*
- *Developing strategies to raise awareness of the dangers of substandard and counterfeit medical products among healthcare professionals and the public*
- *Supporting countries in implementing best practices to combat substandard and counterfeit products and strengthen regulatory capacity*

The overall goal is to ensure that all medical products available worldwide are safe, effective, and of high quality, thereby protecting public health and supporting global efforts to combat the harm caused by substandard and counterfeit medicines.



Mesyuarat Ke-13 Mekanisme Negara Anggota WHO Bagi Produk Perubatan Substandard Dan Palsu
WHO 13th Meeting of The Member State Mechanism on Substandard and Falsified (SF) Medical Products

BENGGEL UJIAN POTENSI DAN KAWALAN KUALITI MINYAK KANABIS PERUBATAN DAN PRODUK KRATOM

Bengkel bagi Ujian Potensi dan Kawalan Kualiti Minyak Kanabis Perubatan dan Produk Kratom telah diadakan di *National Science and Technology Development Agency Characterization and Testing Service Centre (NSTDA)*, Pathum Thani, Thailand pada 16-19 September 2024. Objektif bengkel adalah:

- Mendedahkan peserta dengan perspektif kawal selia produk berasaskan kanabis dan kratom di Thailand
- Memberikan gambaran keseluruhan ujian standard bagi kanabis dan kratom, serta garis panduan berkenaan kawalan kualiti
- Menyediakan sesi praktikal untuk ujian kanabinoid dan mitragynine dengan menggunakan instrumen *High-Performance Liquid Chromatography (HPLC)*

WORKSHOP ON POTENCY TESTING AND QUALITY CONTROL OF MEDICAL CANNABIS OIL AND KRATOMS PRODUCT

The Workshop on Potency Testing and Quality Control of Medical Cannabis Oil and Kratoms Products was conducted at National Science and Technology Development Agency (NSTDA) Characterization and Testing Service Centre, Pathum Thani, Thailand from 16-19 September 2024. The objectives of the workshop are:

- *To provide the participants with the regulatory perspective in cannabis and kratom based products in Thailand*
- *To provide an overview of standard cannabis and kratom testing and quality control guideline*
- *To provide hands-on practical session for cannabinoids and mitragynine testing using High-Performance Liquid Chromatography (HPLC) instrument*



Bengkel Ujian Potensi Dan Kawalan Kualiti Minyak Kanabis Perubatan Dan Produk Kratom
Workshop on Potency Testing and Quality Control of Medical Cannabis Oil and Kratoms Product



BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

***NATIONAL PHARMACEUTICAL
REGULATORY AGENCY***

BILANGAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PRODUK
NUMBER OF PRODUCT REGISTRATION APPLICATION RECEIVED

298

PRESKRIPSI
PRESCRIPTION

101

BUKAN PRESKRIPSI
NON-PRESCRIPTION

641

SEMULAJADI
NATURAL

543

SUPPLEMEN KESIHATAN
HEALTH SUPPLEMENT

38

VETERINAR
VETERINARY

BILANGAN PRODUK YANG DIDAFTARKAN
NUMBER OF PRODUCT REGISTERED

432

PRESKRIPSI
PRESCRIPTION

80

BUKAN PRESKRIPSI
NON-PRESCRIPTION

713

SEMULAJADI
NATURAL

526

SUPPLEMEN KESIHATAN
HEALTH SUPPLEMENT

60

VETERINAR
VETERINARY

118,504

BILANGAN PERMOHONAN NOTIFIKASI KOSMETIK

NUMBER OF NEW COSMETIC PRODUCT NOTIFICATION APPLICATION



34,035

BILANGAN LAPORAN ADR DAN AEFI YANG DITERIMA

NUMBER OF ADR AND AEFI REPORT RECEIVED



BILANGAN LESEN / SIJIL YANG DIKELUARKAN
NUMBER OF LICENSE / CERTIFICATE ISSUED

302

LESEN PENGILANG
MANUFACTURER LICENSE



505

LESEN PENGIMPOR
IMPORTER LICENSE



1,291

LESEN PEMBORONG
WHOLESALE LICENSE



2,528

SIJIL PRODUK FARMASEUTIKAL
CERTIFICATE OF PHARMACEUTICAL PRODUCTS

58

SIJIL PENJUALAN BEBAS PRODUK VETERINAR
CFS Veterinary Products

2,066

SIJIL PENJUALAN BEBAS PRODUK KOSMETIK
CFS Cosmetic Products

190

SIJIL LOT RELEASE VAKSIN
LOT RELEASE VACCINE CERTIFICATE

174

SIJIL LOT RELEASE PRODUK PLASMA
PLASMA-DERIVED MEDICINAL PRODUCT (PDMP) LOT RELEASE CERTIFICATE

482

SIJIL AMALAN PERKILANGAN BAIK
GOOD MANUFACTURING PRACTICE (GMP) CERTIFICATE

2,306

BILANGAN SAMPEL YANG DIAMBIL UNTUK AKTIVITI PEMANTAUAN KUALITI PRODUK BERDAFTAR DAN KOSMETIK BERNOTIFIKASI
NUMBER OF SAMPLES TAKEN FOR QUALITY MONITORING ACTIVITY FOR REGISTERED PRODUCTS AND NOTIFIED COSMETICS

429

LESEN IMPORT PERCUBAAN KLINIKAL
CLINICAL TRIAL IMPORT LICENSE (CTIL)

25

KEBENARAN MENGIKILANG UNTUK PERCUBAAN KLINIKAL
CLINICAL TRIAL EXEMPTION (CTX)

58,576 | **PENGUJIAN MAKMAL YANG DIJALANKAN**
LABORATORY TESTS PERFORMED



10 | **PEMERIKSAAN AMALAN KLINIKAL BAIK (GCP)**
GOOD CLINICAL PRACTICE (GCP) INSPECTIONS



321

**BILANGAN PEMERIKSAAN AMALAN
PERKILANGAN BAIK (APB)**
*NUMBER OF GOOD MANUFACTURING
PRACTICE (GMP) INSPECTIONS*

637 | **BILANGAN PEMERIKSAAN AMALAN EDARAN BAIK (AEB) YANG DIJALANKAN**
NUMBER OF GOOD DISTRIBUTION PRACTICE (GDP) INSPECTIONS CONDUCTED

6 | **BILANGAN PEMERIKSAAN AMALAN
MAKMAL BAIK YANG DIJALANKAN**
*NUMBER OF GOOD LABORATORY PRACTICE
(GLP) INSPECTIONS CONDUCTED*

3 | **BILANGAN PEMERIKSAAN
JAWATANKUASA ETIKA YANG DIJALANKAN**
*NUMBER OF ETHIC COMMITTEE (EC)
INSPECTIONS CONDUCTED*

23 | **BILANGAN PEMERIKSAAN PUSAT KAJIAN BIOEKUIVALENS (BE)**
NUMBER OF INSPECTIONS ON BIOEQUIVALENCE CENTRES (BE)





BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA NATIONAL PHARMACEUTICAL REGULATORY AGENCY

1.0 PENGENALAN | INTRODUCTION

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) merupakan sebuah badan regulatori kerajaan di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertanggungjawab dalam memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk farmaseutikal serta kualiti dan keselamatan produk semulajadi dan kosmetik yang dipasarkan di Malaysia.

NPRA yang dahulunya dikenali sebagai Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan (MKKUK), telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1978. Makmal ini telah ditubuhkan untuk melaksanakan kawalan kualiti ke atas ubat-ubatan di negara ini. Nama MKKUK kemudiannya ditukar kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) pada tahun 1993 selaras dengan perkembangan fungsinya sebagai badan regulatori farmaseutikal dan sekretariat kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). BPFK menjalankan fungsi regulatori seperti pendaftaran produk, notifikasi kosmetik, analisis sampel, pemeriksaan dan pelesenan, aktiviti pasca pendaftaran dan pemantauan kesan advers ubat.

Pada 18 Julai 2016, nama BPFK secara rasminya ditukar kepada NPRA. Selain daripada aktiviti pengawalseliaan ke atas produk generik, produk semula jadi, kosmetik dan produk veterinar, NPRA telah memperluaskan kawalan regulatori ke atas kualiti dan keselamatan Bahan Aktif Farmaseutikal (API) serta kawalan kualiti produk vaksin dan plasma melalui aktiviti *Lot Release*.

Sejajar dengan perkembangan serta keperluan semasa, NPRA telah melaksanakan perubahan struktur organisasi melalui proses penstrukturan semula pada 2 Disember 2019. Dengan pelaksanaan pengstrukturkan semula ini, NPRA dapat menambah baik kualiti perkhidmatan yang diberikan bagi mencapai misi untuk menjamin kesihatan rakyat melalui kawalan regulatori ubat-ubatan dan kosmetik.

NPRA telah membangunkan laman sesawang khusus untuk industri dan orang awam. Platform ini menyediakan maklumat mengenai peranan, fungsi, dan aktiviti NPRA bagi memastikan ketelusan dan akses mudah. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang melalui pautan berikut: www.npra.gov.my

National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) is a government agency under the Pharmaceutical Services Programme, Ministry of Health Malaysia which is responsible in ensuring the quality, safety and efficacy of pharmaceutical products as well as the quality and safety of natural products and cosmetics marketed in Malaysia.

NPRA, formerly known as the National Pharmaceutical Control Laboratory (MKKUK), was set up in October 1978. This institution was established to implement quality control on pharmaceutical products. MKKUK's name was later changed to National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) in 1993 in line with the expansion of its functions as a pharmaceutical regulatory agency and secretariat to the Drug Control Authority (DCA). NPCB carries out regulatory functions such as product registration, cosmetic notification, sample analysis, inspection and licensing, post-registration activities and adverse drug reaction monitoring.

On 18 July 2016, the name of NPCB was officially changed to NPRA. Apart from regulatory control of generics (scheduled poison and non-scheduled poison), natural products, cosmetics and veterinary products, NPRA has extended regulatory control of the quality and safety of Active Pharmaceutical Ingredients (API) as well as the quality control of vaccine and plasma products through Lot Release activities.

In line with current developments, NPRA underwent a major restructuring process which came into effect on 2 December 2019. Through this restructuring exercise, NPRA will continuously strive to improve the services provided as we seek to achieve our mission to safeguard the nation's health through scientific excellence in the regulatory control of medicinal products and cosmetics.

NPRA has developed a dedicated website to provide valuable information to both the industry and the public. This platform offers insights into NPRA's role, functions and activities ensuring transparency and accessibility. For more details, please visit the website using the following link: www.npra.gov.my

Berikut merupakan empat pusat di NPRA dengan fungsi masing-masing:
Below are the four centres in NPRA with respective functions:



2.0 AKTIVITI DAN SOROTAN | ACTIVITIES AND HIGHLIGHTS

PENGANJURAN 27TH PIC/S EXPERT CIRCLE MEETING ON HUMAN BLOOD, TISSUES, CELLS AND ADVANCED THERAPY MEDICINAL PRODUCTS (ATMPs)

27th PIC/S Expert Circle Meeting on Human Blood, Tissues, Cells and Advanced Therapy Medicinal Products (ATMPs) telah diadakan pada 20-22 Ogos 2024 di Kuala Lumpur. Acara penting ini menghimpunkan pemeriksa Amalan Perkilangan Baik (APB) dari pelbagai negara ahli Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S) untuk membincangkan isu-isu semasa serta berkongsi pengalaman berkaitan pemeriksaan dan pengawalseliaan komponen darah, tisu, sel dan ATMP.

Topik utama yang dibincangkan termasuk perkembangan terkini garis panduan untuk institusi darah dan tapak pembuatan ATMP. Para peserta turut terlibat dalam perbincangan mendalam mengenai cabaran semasa dalam bidang ini, dengan memberi tumpuan kepada pendekatan pemeriksaan untuk pengeluar produk darah dan tisu manusia. Mesyuarat ini juga memudahkan perkongsian pengetahuan mengenai pendekatan moden terhadap pemeriksaan, agar sejajar dengan kemajuan teknologi perubatan.

Salah satu agenda mesyuarat ini ialah latihan mengenai PIC/S Annex 2A of the Good Manufacturing Practice (GMP) Guide, yang khusus membincangkan pembuatan ATMP. Latihan ini amat penting untuk memastikan pemeriksa dilengkapi dengan maklumat terkini dan amalan terbaik bagi menilai pematuhan dalam sektor yang berkembang pesat ini.

Acara ini menekankan kepentingan pendekatan yang selaras dalam pengawalseliaan dan pemeriksaan di kalangan pihak berkuasa ahli PIC/S. Dengan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik, para peserta berusaha untuk memperbaiki hasil pengawalseliaan dan memastikan kesihatan awam dilindungi melalui pengawasan yang berkesan terhadap produk darah dan tisu. Perbincangan yang diadakan semasa mesyuarat ini akan menyumbang kepada usaha berterusan untuk memperkukuhkan kerangka pengawalseliaan di peringkat global, yang akhirnya memberi manfaat kepada pesakit yang bergantung pada produk perubatan kritikal ini.

Kesimpulannya, usaha kolaboratif yang dipamerkan semasa acara ini mencerminkan komitmen untuk meningkatkan standard dalam pengawalseliaan darah manusia, tisu, sel dan ATMP bagi memastikan ia memenuhi piawai keselamatan dan keberkesanan tertinggi demi perlindungan Kesihatan awam.

27TH PIC/S EXPERT CIRCLE MEETING ON HUMAN BLOOD, TISSUES, CELLS AND ADVANCED THERAPY MEDICINAL PRODUCTS (ATMPs)

The 27th PIC/S Expert Circle Meeting on Human Blood, Tissues, Cells and Advanced Therapy Medicinal Products (ATMPs) took place from 20-22 August 2024 in Kuala Lumpur. This significant event brought together regulatory authorities and inspectors from various countries to discuss contemporary issues and share experiences related to the inspection and regulation of blood components, tissues, cells and ATMPs. The meeting aimed to enhance collaboration among participating authorities and improve the consistency of inspections across different jurisdictions.

Key topics discussed during the meeting included the latest updates on guidelines for blood establishments and ATMP manufacturing sites. Participants engaged in in-depth discussions about current challenges in the field, particularly focusing on the inspection approaches for manufacturers of human blood and tissue products. The meeting also facilitated knowledge exchange regarding modern approaches to inspections, emphasizing the importance of adapting regulatory practices to keep pace with advancements in medical technologies.

A highlight of the meeting was the training on PIC/S Annex 2A of the Good Manufacturing Practice (GMP) Guide, which specifically addresses the manufacture of ATMPs. This training is crucial for ensuring that inspectors are well-equipped with the latest information and best practices for evaluating compliance in this rapidly evolving sector. Additionally, participants shared insights on research and development trends in ATMPs, fostering a collaborative environment that encourages innovation while maintaining high safety standards.

The event underscored the importance of harmonized approach to regulation and inspection among PIC/S member authorities. By sharing experiences and best practices, attendees aimed to improve regulatory outcomes and ensure that public health is safeguarded through effective oversight of blood and tissue products. The discussions held during this meeting will contribute to ongoing efforts to enhance regulatory frameworks globally, ultimately benefiting patients who rely on these critical medical products.

In conclusion, the PIC/S Expert Circle Meeting served as a pivotal platform for dialogue among global regulatory bodies. The collaborative efforts showcased during this event reflect a commitment to advancing standards in the regulation of human blood, tissues, cells and ATMPs ensuring that they meet the highest safety and efficacy benchmarks for public health protection.



Majlis Perasmian oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
Opening Ceremony by Deputy Director General Health (Pharmaceutical Services)

SESI LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS) BAGI PROGRAM PEMANTAUAN KUALITI PRODUK BERASASKAN RISIKO

Satu sesi libat urus telah diadakan pada 15 November 2024 bagi memaklumkan pihak berkepentingan mengenai aktiviti regulatori baharu yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 iaitu program pemantauan kualiti produk berasaskan risiko (RB PQM). Perkongsian maklumat dengan pihak berkepentingan berkenaan:

- i. Peranan NPRA dalam mengawalselia kualiti produk berdaftar di pasaran Malaysia melalui aktiviti pemantauan kualiti produk yang telah dan sedang dilaksanakan.
- ii. Penambahbaikan yang akan dijalankan terhadap aktiviti pemantauan di bawah Program RB PQM dan kepentingan pelaksanaan aktiviti ini bagi memastikan program pemantauan kualiti produk berdaftar adalah mampan (*sustainable*), dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan efektif disamping mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad.

Proses/ aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan Program RB PQM dan tanggungjawab, komitmen serta kerjasama yang diperlukan daripada pihak industri dalam menjayakan program ini.

STAKEHOLDER'S ENGAGEMENT ON RISK BASED PRODUCT QUALITY MONITORING (RB PQM)

A stakeholder's engagement was held on 15 November 2024 to inform the stakeholders regarding a new regulatory activity that will be implemented in 2025, namely the Risk Based Product Quality Monitoring (RB PQM). Information shared with the stakeholders regarding:

- i. *The role of NPRA in regulating the quality of registered products in the Malaysian market through product quality monitoring activities that have been implemented and are currently being carried out.*

- ii. *Improvements to be made in monitoring activities under the Risk-Based Product Quality Monitoring Programme (RB PQM) and the importance of implementing this programme to ensure that the monitoring of registered product quality remains sustainable, can be conducted more systematically and effectively, and optimizes the use of limited resources.*

Processes/ activities involved in the implementation of the RB PQM Program, as well as the responsibilities, commitments, and collaboration required from the industry to ensure the success of this programme.



Sesi Libat Urus bersama Pihak Berkepentingan (Stakeholders) bagi Program RB PQM
Stakeholder's Engagement for RB PQM

SEMINAR PHARMACOVIGILANCE IN THE PHARMACEUTICAL INDUSTRY

Satu seminar telah diadakan secara dalam talian pada 23 Oktober 2024 untuk semua pemegang pendaftaran produk di Malaysia. Objektif seminar ini adalah seperti berikut:

- i. Memberikan pendedahan kepada peserta mengenai aktiviti yang berkaitan farmakovigilans
- ii. Menekankan impak aktiviti farmakovigilans terhadap pemantauan keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan berdaftar di Malaysia
- iii. Memperkukuhkan aktiviti farmakovigilans yang dijalankan oleh pihak PRH

PHARMACOVIGILANCE IN THE PHARMACEUTICAL INDUSTRY

An online seminar was held on 23 October 2024 for all product registration holders in Malaysia. The objectives of this seminar were as follows:

- i. To provide participants with exposure to activities related to pharmacovigilance
- ii. To emphasize the impact of pharmacovigilance activities on the monitoring of the safety and efficacy of registered medicines in Malaysia
- iii. To strengthen pharmacovigilance activities conducted by PRH

SESI LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE NPRA

NPRA telah menerima kunjungan daripada pelajar Sarjana Muda Farmasi, Sarjana Muda Teknologi Farmaseutikal dan Diploma Farmasi dari tiga (3) institusi pengajian tinggi dan satu (1) badan kerajaan sepanjang tahun 2024 seperti dalam jadual di bawah. Sesi lawatan sambil belajar tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada para pelajar universiti mengenai proses pendaftaran produk serta aspek kawalan regulatori produk farmaseutikal di Malaysia. Agenda lawatan melibatkan pembentangan daripada anggota NPRA yang merangkumi topik seperti pengenalan kepada NPRA, pendaftaran produk dan notifikasi kosmetik di Malaysia, prinsip Amalan Perkilangan Baik (APB) serta aktiviti kawalan kualiti.

EDUCATIONAL VISIT TO NPRA

NPRA received study visits from Bachelor of Pharmacy and Bachelor of Pharmaceutical Technology university students from three (3) higher education institutions and one (1) government body throughout the year 2024 as listed in the table below. These study visits aim to provide information and exposure to the university students on the product registration process as well as aspects of regulatory control of pharmaceutical products in Malaysia. The agenda of the visit includes presentations from NPRA covering topics such as introduction to NPRA, product registration and notification of cosmetics in Malaysia, Good Manufacturing Practice (GMP) principles and quality control activities.

Senarai institusi yang telah membuat lawatan ke NPRA
List of institutions involved in visits to NPRA

Bil. No.	Institusi Institution	Program Programme	Bilangan peserta Number of participants	Tarikh Date
1	Universiti Putra Malaysia (UPM) <i>University of Putra Malaysia (UPM)</i>	Sarjana Muda Sains Perubatan <i>Bachelor of Medical and Health Sciences</i>	58	15 Januari 2024 <i>15 January 2024</i>
2	Pusat Keselamatan Makanan Negara (NCFS) <i>National Centre for Food Safety (NCFS)</i>		15	21 Mei 2024 <i>21 May 2024</i>
3	Management and Science University (MSU) <i>Management and Science University (MSU)</i>	Sarjana Muda Farmasi dan Sarjana Muda Teknologi Farmaseutikal <i>Bachelor in Pharmacy and Bachelor in Pharmaceutical Technology</i>	40	28 Jun 2024 <i>28 June 2024</i>
4	Kolej Institut Jantung Negara (IJN) <i>IJN College</i>	Diploma Farmasi <i>Diploma in Pharmacy</i>	34	2 September 2024 <i>2 September 2024</i>



Lawatan daripada UPM
Visit from UPM



Lawatan daripada NCFS
Visit from NCFS

SENARAI PAMERAN YANG DISERTAI OLEH NPRA

Aktiviti pameran merupakan salah satu inisiatif untuk mempromosikan perkhidmatan NPRA melalui perkongsian maklumat secara dua hala berkaitan berkaitan fungsi, peranan dan aktiviti regulatori farmaseutikal kepada pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) termasuk masyarakat umum dan pihak industri.

LIST OF EXHIBITIONS PARTICIPATED BY NPRA

Exhibition are one of the initiatives to promote NPRA through the two-way sharing of information related to the functions, roles, and regulatory activities of pharmaceuticals to stakeholders, including the general public and the industry.

Senarai Pameran yang Disertai NPRA
List of Exhibitions Participated by NPRA

Bil. No.	Nama Pameran <i>Name of Exhibition</i>	Penganjur <i>Organiser</i>	Tarikh <i>Date</i>
1.	Hari Kesedaran Farmasi – ‘Tolak Ubat Tidak Sah’	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM	21 Mei 2024 <i>21 May 2024</i>
2.	<i>UM Pharmily Day/Career Fair/Public Health Campaign 2024</i>	Fakulti Farmasi, Universiti Malaya	25 Mei 2024 <i>25 May 2024</i>
3.	Program Kesedaran Farmasi 2024	Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia	25 Mei 2024 <i>25 May 2024</i>
4.	<i>ISPE Annual Conference & Exhibition 2024</i>	<i>International Society for Pharmaceutical Engineering (ISPE)</i>	26-27 Jun 2024 <i>26-27 June 2024</i>
5.	<i>National Training Week 2024</i>	Kementerian Kesihatan Malaysia	29-30 Jun 2024 <i>29-30 Jun 2024</i>
6.	<i>Convention Pharmaceutical Ingredients (CPI)</i>	CPHI	10-12 Julai 2024 <i>10-12 July 2024</i>
7.	<i>R&D Conference</i>	Program Perkhidmatan Farmasi	20 Ogos 2024 <i>20 August 2024</i>
8.	Hari Kesedaran Farmasi – ‘Tolak Ubat Tidak Sah’	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM	24 Oktober 2024 <i>24 October 2024</i>
9.	Program Dua (2) Tahun Kerajaan Madani (2TM)	Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri	22 November 2024 <i>22 November 2024</i>
10.	<i>Healthtech Innovation Connect (‘HTIC’)</i>	<i>Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (‘MRANTI’)</i>	3-4 Disember 2024 <i>3-4 December 2024</i>



Convention Pharmaceutical Ingredients (CPI), Bangkok, Thailand
Convention Pharmaceutical Ingredients (CPI), Bangkok, Thailand



Program Dua (2) Tahun Kerajaan Madani (2TM)
Program Dua (2) Tahun Kerajaan Madani (2TM)

SESI DIALOG YANG DIADAKAN OLEH NPRA DENGAN INDUSTRI *DIALOGUE SESSIONS WITH THE INDUSTRY*

Bil. No.	Nama Dialog <i>Name of Dialogue</i>	Bilangan Peserta <i>No. of Participant</i>	Tarikh <i>Date</i>
1.	Dialog Industri NPRA-Malaysia Association of Cell & Gene Therapy (MACGT), Tissue Engineering & Regenerative Medicine Society of Malaysia (TESMA) & Malaysia Stem Cell Research & Therapy (MSCRT) Bil. 1/2024	46	25 Mac 2024 <i>25 March 2024</i>
2.	Dialog Industri NPRA-Malaysian Dietary Supplement Association (MADSA) Bil. 1/2024	43	3 Mei 2024 <i>3 May 2024</i>
3.	Dialog Industri NPRA-Malaysia Medical Device Association (MMDA) Bil. 1/2024	36	12 Jun 2024 <i>12 June 2024</i>
4.	Dialog Industri NPRA-Malaysia Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS) Bil.1/2024	41	31 Julai 2024 <i>31 July 2024</i>
5.	Dialog Industri NPRA-Malaysian Organization of Pharmaceutical Industries (MOPI) Bil.1/2024	108	26 Ogos 2024 <i>26 August 2024</i>
6.	Dialog Industri NPRA-Pharmaceutical Association of Malaysia (PHAMA) Bil. 1/2024	42	9 September 2024 <i>9 September 2024</i>
7.	Dialog Industri NPRA-The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia (CTFA) Bil.1/2024	35	11 September 2024 <i>11 September 2024</i>



Dialog Industri NPRA - Malaysia Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS) Bil. 1/2024
Dialog Industri NPRA - Malaysia Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS) Bil. 1/2024



Dialog Industri NPRA - Pharmaceutical Association of Malaysia (PHAMA) Bil.1/2024
Dialog Industri NPRA - Pharmaceutical Association of Malaysia (PHAMA) Bil.1/2024

PENGLIBATAN MAKMAL DALAM PROFICIENCY TESTING 2024

Makmal memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan keputusan ujian yang dijalankan. Penyertaan dalam *Proficiency Testing* membolehkan makmal menilai prestasi analisis mereka dengan membandingkan hasil ujian dengan makmal lain serta standard yang ditetapkan. *Proficiency Testing* ini adalah untuk menentukan kompetensi penganalisis yang bertugas di makmal dan memenuhi keperluan MS ISO/IEC 17025:2017.

LABORATORY INVOLVEMENT IN PROFICIENCY TESTING 2024

The laboratory plays an important role in ensuring the accuracy and reliability of test results. Participation in Proficiency Testing (PT) allows laboratories to assess their analytical performance by comparing test results with other laboratories and established standards. This Proficiency Testing is conducted to determine the competency of analysts working in the laboratory and to meet requirements of MS ISO/IEC 17025:2017.

Penglibatan Makmal dalam Proficiency Testing 2024 *Laboratory Involvement in Proficiency Testing 2024*

Bil. No.	Nama Pengujian <i>Name of Test</i>	Bilangan Peserta <i>No. of Participant</i>	Penganjur <i>Organiser</i>
1.	<i>Identification of Hydroquinone in Cosmetic Products (CM 04/2024)</i>	1	<i>Bureau of Cosmetics and Hazardous Substances, Department of Medical Sciences, Ministry of Public Health, Thailand</i>
2.	<i>Microbial Contamination Test in Cosmetics Products (Lotion)</i>	6	<i>IFM Quality Services, Australia</i>
3.	<i>Microbial Contamination Test in Traditional Products</i>	4	<i>IFM Quality Services, Australia</i>

PENGLIBATAN MAKMAL DALAM INTER LABORATORY COMPARISON 2024

Perbandingan Antara Makmal (*Inter-Laboratory Comparison*, ILC) ialah proses jaminan kualiti di mana beberapa makmal menganalisis sampel yang sama dan membandingkan keputusan ujian mereka. Ini membantu menilai ketepatan, kebolehpercayaan, dan konsistensi prestasi makmal serta mengenal pasti sebarang perbezaan atau aspek yang perlu diperbaiki. ILC adalah penting untuk mengekalkan standard ujian yang tinggi, memastikan patuhan kepada keperluan akreditasi seperti MS ISO/IEC 17025 dan meningkatkan keyakinan terhadap Keputusan makmal.

LABORATORY INVOLVEMENT IN INTER LABORATORY COMPARISON 2024


Inter Laboratory Comparison (ILC) is a quality assurance process where multiple laboratories analyze the same sample and compare their test results. This helps assess the accuracy, reliability, and consistency of laboratory performance while identifying any discrepancies or areas for improvement. ILC is essential for maintaining high testing standards, ensuring compliance with accreditation requirements such as MS ISO/IEC 17025 and enhancing confidence in laboratory results.

Penglibatan Makmal Dalam Inter Laboratory Comparison 2024 *Laboratory Involvement in Inter Laboratory Comparison 2024*

Bil. No.	Nama Pengujian <i>Name of Test</i>	Bilangan Peserta <i>No. of Participant</i>	Penganjur <i>Organiser</i>
1.	Ujian kandungan aluminium dalam vaksin Hepatitis B menggunakan <i>UV-Spectrophotometer (UV-VIS)</i>	8	Unit Perkhidmatan Analisis, Seksyen Perkhidmatan dan Bekalan, NPRA
2.	Ujian Pengecaian (<i>Disintegration</i>) dan ujian keseragaman berat (<i>Uniformity of Weight</i>)	8	Unit Perkhidmatan Analisis, Seksyen Perkhidmatan dan Bekalan, NPRA
3.	<i>Paracetamol</i>	8	Unit Perkhidmatan Analisis, Seksyen Perkhidmatan dan Bekalan, NPRA

3.0 PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN | ACHIEVEMENT AND RECOGNITION

 <p>World Health Organization</p>	<p>NPRA telah mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh <i>World Health Organization (WHO)</i> sebagai <i>WHO Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals</i> pada tahun 1996 atas sumbangan NPRA dalam bidang regulatori farmasi.</p> <p><i>NPRA received international recognition by the World Health Organization (WHO) as a WHO Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals in 1996 for NPRA's contributions in the field of pharmaceutical regulation.</i></p>
	<p>Melalui NPRA, negara Malaysia telah menjadi negara anggota <i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S)</i> sejak tahun 2002. NPRA terlibat secara aktif dalam program berkaitan Amalan Perkilangan Baik (APB) dan <i>Quality Assurance Programme</i>.</p> <p><i>Through NPRA, Malaysia has been a member of the Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S) since 2002. NPRA is actively involved in programs related to Good Manufacturing Practices (GMP) and the Quality Assurance Programme.</i></p>
 <p>OECD BETTER POLICIES FOR BETTER LIVES</p>	<p>Melalui NPRA, negara Malaysia telah diterima sebagai ahli <i>Organisation for Economic Cooperation and Development Good Laboratory Practice Mutual Acceptance of Data System (OECD MAD)</i> sejak 29 Mac 2013. Data dari kajian bukan klinikal yang dijalankan di bawah fasiliti yang tersenarai di bawah Program Pemantauan Komplians GLP NPRA akan diterima untuk penilaian selanjutnya oleh semua negara OECD dan negara bukan OECD yang mematuhi sistem MAD.</p> <p><i>Through NPRA, Malaysia has been accepted as a member of the Organisation for Economic Cooperation and Development Good Laboratory Practice Mutual Acceptance of Data System (OECD MAD) since March 29, 2013. Data from non-clinical studies conducted under facilities listed under the NPRA GLP Compliance Monitoring Programme will be accepted for further evaluation by all OECD countries and non-OECD countries that adhere to the MAD system.</i></p>
 <p>ICH harmonisation for better health</p>	<p>Malaysia merupakan pemerhati (<i>Observer</i>) kepada <i>International Council for Harmonization of Technical Requirements for Pharmaceuticals for Human Use (ICH)</i> sejak bulan Jun 2018. ICH merupakan platform bagi badan regulatori dan industri farmaseutikal membincangkan keperluan pendaftaran ubat-ubatan dari aspek saintifik dan teknikal.</p> <p><i>Malaysia has been an observer to the International Council for Harmonization of Technical Requirements for Pharmaceuticals for Human Use (ICH) since June 2018. ICH is a platform for regulatory bodies and the pharmaceutical industry to discuss the scientific and technical aspects of drug registration requirements.</i></p> <p>Malaysia juga telah diterima sebagai ahli <i>International Pharmaceutical Regulator's Programme (IPRP)</i> pada bulan November 2019. IPRP merupakan platform bagi badan regulatori membincangkan dan melaksanakan garis panduan yang diterbitkan oleh ICH dalam mengawalselia produk farmaseutikal untuk kegunaan manusia.</p> <p><i>Malaysia was also accepted as a member of the International Pharmaceutical Regulators Programme (IPRP) in November 2019. IPRP is a platform for regulatory bodies to discuss and implement guidelines published by ICH in regulating pharmaceutical products for human use.</i></p>
 <p>QUALITY SYSTEM SIRIM Certified to: MS ISO 9001:2015 Cert No.: QMS 00894</p>	<p>NPRA telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001 dari pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada tahun 2001. Bermula dengan pensijilan MS ISO 9002:1994, disusuli dengan MS ISO 9001:2000 dan MS ISO 9001:2008. Pensijilan terkini MS ISO 9001:2015 telah diperolehi pada tahun 2017 dengan nombor sijil QMS 00894 dan sah sehingga 24 Mei 2025.</p> <p><i>NPRA obtained MS ISO 9001 certification from SIRIM QAS Sdn. Bhd. in 2001. Starting with MS ISO 9002:1994 certification, followed by MS ISO 9001:2000 and MS ISO 9001:2008. The latest certification, MS ISO 9001:2015, was obtained in 2017 with certificate number QMS 00894 and is valid until May 24, 2025.</i></p>
 <p>STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED</p>	<p>Makmal NPRA telah memperolehi akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 dari Jabatan Standard Malaysia pada tahun 2010 dan MS ISO/IEC 17025:2017 pada bulan Oktober 2020 bagi pengujian produk tradisional dan kosmetik. Pada tahun 2022, makmal NPRA telah menambah skop akreditasi bagi pengujian produk vaksin Hepatitis B dengan no. SAMM 450 dan sah sehingga 14 Januari 2025.</p> <p><i>The NPRA laboratory obtained MS ISO/IEC 17025:2005 accreditation from the Department of Standards Malaysia in 2010 and MS ISO/IEC 17025:2017 in October 2020 for the testing of traditional products and cosmetics. In 2022, the NPRA laboratory expanded its accreditation scope to include testing of Hepatitis B vaccine products with the accreditation number SAMM 450, valid until January 14, 2025.</i></p>

	<p>NPRA telah diberi Anugerah Pengawal Selia Aktif / <i>Unified Public Consultation (UPC)</i> oleh <i>Malaysian Productivity Corporation (MPC)</i> di Persidangan Amalan Baik Peraturan 2021 bagi pencapaian sepanjang tahun 2020 dan 2021.</p> <p><i>NPRA was awarded the Active Regulator / Unified Public Consultation (UPC) Award by the Malaysian Productivity Corporation (MPC) at the Regulatory Good Practice Conference 2021 for achievements throughout 2020 and 2021.</i></p>
	<p>Menerima pengiktirafan 3-bintang EMGS yang telah dilaksanakan oleh Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation (MGTC) dan penerimaan sijil secara rasmi pada 21 Mei 2024 bertempat di EQ Hotel Kuala Lumpur</p> <p><i>Received 3-star EMGS recognition, awarded by the Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation (MGTC), with the official certificate presentation took place on 21 May 2024 at EQ Hotel Kuala Lumpur</i></p>
	<p>NPRA telah diberikan Anugerah MyGovUC 2.0 Tahun 2023 bagi kategori Penggunaan Perkhidmatan Utama Tertinggi di kalangan agensi.</p> <p><i>NPRA was awarded the MyGovUC 2.0 Award for the year 2023 in the category of Highest Use of Key Services among agencies.</i></p>
	<p>Telah mendapat pengiktirafan 2-diamond bagi Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment pada 27 Mac 2024. Pengiktirafan ini berdasarkan keupayaan NPRA untuk menjimatkan tenaga dan seterusnya mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 887.39 tan sepanjang tahun 2023. Ini merupakan inisiatif jangka panjang ke arah kelestarian alam sekitar.</p> <p><i>Received 2-diamond recognition for the Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment on 27 March 2024. This recognition is based on NPRA's ability to save energy, resulting in a reduction of 887.39 tons of carbon dioxide emissions throughout 2023. This initiative is part of a long-term commitment to environmental sustainability.</i></p>
	<p>Mendapat pengiktirafan 4-bintang bagi Pelabelan Prestasi Intensiti Tenaga Bangunan (Building Intensity - BEI) oleh Suruhanjaya Tenaga pada 1 Mac 2024 untuk pencapaian penjimatan tenaga sepanjang tahun 2023. Ini merupakan inisiatif oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan dikelola oleh Suruhanjaya Tenaga.</p> <p><i>Received 4-star recognition for Building Energy Intensity (BEI) Performance Labelling by the Energy Commission on 1 March 2024, in recognition of energy-saving achievements throughout 2023. This initiative is led by the Ministry of Natural Resources, Environment, and Climate Change (NRECC) and managed by the Energy Commission.</i></p>
	<p>Menerima penarafan 4-bintang di dalam penilaian pensijilan Bangunan Hijau MyCREST yang telah dilaksanakan oleh pihak Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) selaku coordinator pensijilan tersebut pada 23 Oktober 2024.</p> <p><i>Received a 4-star rating in the MyCREST Green Building certification assessment, conducted by the Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) as the certification coordinator on 23 October 2024.</i></p>

5.0 KOLABORASI DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL COLLABORATION AND PARTICIPATION

PENGLIBATAN NPRA DALAM KUMPULAN KERJA ASEAN

Malaysia, melalui NPRA giat mengambil bahagian dalam aktiviti tiga (3) kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ) untuk membangunkan skim pengharmonian produk farmaseutikal, produk semulajadi dan suplemen Kesihatan serta peraturan-peraturan kosmetik di negara-negara ASEAN.

Kumpulan kerja tersebut termasuk *Pharmaceutical Product Working Group (PPWG)*, *Traditional Medicines and Health Supplements Product Working Group (TMHS PWG)* dan *ASEAN Cosmetic Committee (ACC)*.

NPRA'S PARTICIPATION IN ASEAN WORKING GROUPS

Through NPRA, Malaysia actively participates in three (3) product-working groups established under the ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ) which aim to develop harmonization schemes of pharmaceuticals, natural products and health supplements as well as cosmetics regulations in ASEAN countries.

These working groups include the Pharmaceutical Product Working Group (PPWG), Traditional Medicines and Health Supplements Product Working Group (TMHS PWG) and ASEAN Cosmetic Committee (ACC).

Senarai mesyuarat di peringkat ASEAN yang telah dihadiri oleh pegawai NPRA sepanjang tahun 2024

List of ASEAN meetings attended by NPRA officers in the year 2024

Bil. No.	Mesyuarat Meeting	Tarikh Date
1.	<i>38th ASEAN Cosmetic Committee Meeting (ACC)</i>	<i>24-25 May 2024 24-25 May 2024</i>
2.	<i>26th Implementation Working Group (IWG) Meeting</i>	<i>5-6 June 2024 5-6 June 2024</i>
3.	<i>37th ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality Pharmaceutical Product Working Group (ACCSQ PPWG) Meeting</i>	<i>6-7 June 2024 6-7 June 2024</i>
4.	<i>3rd Task Force ASEAN Pharmaceutical Regulatory Framework Meeting</i>	<i>27-28 June 2024 27-28 June 2024</i>
5.	<i>33rd Meeting of the ASEAN TMHS Good Manufacturing Practice Task Force (GMP TF)</i>	<i>4-6 July 2024 4-6 July 2024</i>
6.	<i>40th Meeting of the ASEAN TMHS Scientific Committee (ATSC)</i>	<i>4-6 July 2024 4-6 July 2024</i>
7.	<i>4th Task Force ASEAN Pharmaceutical Regulatory Framework Meeting</i>	<i>23-24 August 2024 23-24 August 2024</i>
8.	<i>7th Joint Sectoral Committee on the Mutual Recognition Arrangement on BE Meeting (JSC MRA BE)</i>	<i>25-26 November 2024 25-26 November 2024</i>
9.	<i>13th Joint Sectoral Committee on the Mutual Recognition Arrangement on Good Manufacturing Practice Meeting (JSC MRA GMP)</i>	<i>25-26 November 2024 25-26 November 2024</i>
10.	<i>5th ASEAN Pharmaceutical Testing Laboratory Committee Meeting (APTLC)</i>	<i>26-27 November 2024 26-27 November 2024</i>
11.	<i>9th Joint Assessment Committee Group Meeting (JACG)</i>	<i>26-27 November 2024 26-27 November 2024</i>
12.	<i>38th ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality Pharmaceutical Product working Group (ACCSQ PPWG) Meeting</i>	<i>28-29 November 2024 28-29 November 2024</i>
13.	<i>40th ASEAN Cosmetic Committee Meeting (ACC)</i>	<i>21-22 November 2024 21-22 November 2024</i>
14.	<i>32nd Meeting of the ASEAN TMHS Good Manufacturing Practice Task Force (GMP TF)</i>	<i>27 November 2024 27 November 2024</i>
15.	<i>41st Meeting of the ASEAN TMHS Scientific Committee (ATSC)</i>	<i>28 November 2024 28 November 2024</i>
16.	<i>36th Meeting of the ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality Traditional Medicines & Health Supplement Product Working Group (TMHS PWG)</i>	<i>12-13 December 2024 12-13 December 2024</i>
17.	<i>37th ASEAN Cosmetic Scientific Body (ACSB) Meeting</i>	<i>24-25 Mei 2024 24-25 May 2024</i>
18.	<i>38th ASEAN Cosmetic Scientific Body (ACSB) Meeting</i>	<i>20-23 November 2024 20-23 November 2024</i>

MAJLIS MENANDATANGANI SEMULA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN THE HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA) OF SINGAPORE BAGI KERJASAMA DALAM BIDANG REGULATORI FARMASEUTIKAL

Majlis Menandatangani Semula Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KKM dan *The Health Sciences Authority (HSA) of Singapore* bagi kerjasama dalam bidang regulatori farmaseutikal telah berlangsung pada 6 Mei 2024 di HSA, Singapura.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Norhaliza A. Halim selaku Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi) dan YBrs. Dr. Mimi Choong May Ling selaku Ketua Pengarah Eksekutif HSA. Pemeteraian kerjasama ini merupakan kesinambungan kerjasama antara NPRA bersama pihak HSA selaku badan regulatori produk farmaseutikal negara masing-masing.

Memorandum Persefahaman yang ditandatangani buat pertama kalinya pada 28 Mac 2012 telah berkuatkuasa selama lima (5) tahun dan secara automatik dilanjutkan secara automatik lima (5) tahun lagi sebelum tamat secara rasminya pada 28 Mac 2022. Pemeteraian semula memorandum ini dapat memudahkan proses pertukaran maklumat regulatori farmaseutikal antara kedua-dua agensi bagi memperkasakan Amalan Regulatori Baik (*Good Regulatory Practice*) dan seterusnya meningkatkan kecekapan kedua-dua agensi.

Antara bidang kerjasama yang telah dikenalpasti dan akan diteruskan adalah kawalan regulatori produk farmaseutikal (termasuk isu-isu pendaftaran, pasca pendaftaran dan penguatkuasaan) serta aktiviti kajian klinikal. Pemeteraian kerjasama antara KKM dan HSA dilihat akan menjadi pemangkin kepada peningkatan kecekapan kawalan regulatori produk farmaseutikal di Malaysia.

SIGNING CEREMONY FOR THE RENEWAL OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN MINISTRY OF HEALTH (MOH) AND THE HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA) OF SINGAPORE FOR COOPERATION IN THE PHARMACEUTICAL REGULATORY FIELD

The signing ceremony for the Renewal of the Memorandum of Understanding (MoU) between the Government of Malaysia, represented by the MOH, and the Health Sciences Authority (HSA) of Singapore for cooperation in the pharmaceutical regulatory field took place on 6 May 2024 at HSA, Singapore.

The ceremony was officiated by Madam Norhaliza A. Halim, Senior Director of Pharmaceutical Services, and Dr. Mimi Choong May Ling, Chief Executive Officer of HSA. This renewal of cooperation represents a continuation of the collaboration between the NPRA and HSA, as the regulatory bodies for pharmaceutical products in their respective countries.

The Memorandum of Understanding, initially signed on 28 March 2012, was effective for five (5) years and automatically extended for another five (5) years before officially ending on 28 March 2022. The renewal of this memorandum facilitates the exchange of pharmaceutical regulatory

information between the two agencies, empowering Good Regulatory Practices (GRP) and enhancing the efficiency of both agencies.

Among the identified areas of cooperation to be continued are regulatory control of pharmaceutical products (including issues related to registration, post-registration and enforcement) as well as clinical research activities. This cooperation between MOH and HSA is seen as a catalyst for improving the efficiency of pharmaceutical regulatory control in Malaysia.



Majlis Perasmian Tandatangani Memorandum of Understanding (MoU) di antara Kerajaan Malaysia dan Health Sciences Authority (HSA)

HSA Signed Memorandum of Understanding (MoU) with the Ministry of Health, Malaysia

PIC/S ON-SITE REASSESSMENT MINISTRY OF FOOD AND DRUG SAFETY (MFDS), SOUTH KOREA

Seramai lima (5) assessor yang terdiri daripada pihak berkuasa PIC/s pelbagai negara seperti Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Switzerland dan Netherlands menjalankan penilaian ke atas sistem inspektorat yang diamalkan oleh MFDS, South Korea pada 2-6 September 2024.

Wakil assessor daripada NPRA telah menjalankan penilaian ke atas beberapa komponen seperti keperluan perundangan, direktif dan polisi, sumber manusia, prosedur dan strategi pemeriksaan, program surveilan dan pengurusan kualiti. Selain daripada penilaian dokumen, *observed inspection* turut dijalankan di mana wakil NPRA bertindak sebagai pemerhati dan penilai dalam pemeriksaan yang dijalankan oleh MFDS.

PIC/S ON-SITE REASSESSMENT MINISTRY OF FOOD AND DRUG SAFETY (MFDS), SOUTH KOREA

A total of five (5) assessors from PIC/S regulatory authorities of various countries, including Malaysia, Singapore, the United States, Switzerland and the Netherlands, conducted an assessment of the inspectorate system implemented by MFDS, South Korea from 2-6 September 2024.

A representative assessor from NPRA evaluated several components, such as legal requirements, directives and policies, human resources, inspection procedures and strategies, surveillance programs, and quality management. In addition to document assessments, an observed inspection was also conducted, where the NPRA representative acted as an observer and assessor in the inspection carried out by MFDS.



PIC/S On-Site Reassessment Ministry of Food and Drug Safety (MFDS), South Korea

PIC/S On-Site Reassessment Ministry of Food and Drug Safety (MFDS), South Korea

INTERNATIONAL PARTNERSHIP REFERENCE STANDARD & REFERENCE STANDARD PRODUCTION

Program ASEAN Reference Substance (ARS) merupakan sebahagian daripada usaha ASEAN untuk memperkukuhkan Kerjasama serantau dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam bidang kesihatan, farmaseutikal dan keselamatan makanan. ARS atau bahan rujukan ASEAN dihasilkan secara bersama-sama oleh negara ahli ASEAN. Ia digunakan untuk memastikan bahawa kaedah pengujian yang digunakan di makmal-makmal di seluruh Rantau ASEAN memberikan Keputusan yang tepat, konsisten dan diyakini.

NPRA yang mewakili Malaysia dalam *ARS Working Group* terlibat secara aktif dalam penghasilan ARS. Pada tahun 2024, Malaysia telah menyumbang kepada penghasilan dua ARS iaitu Ascorbic Acid dan Omeprazole. Selain itu, Malaysia juga telah menghadiri *16th Meeting on the Production of ASEAN Reference Substances (ARS)* dengan tema "*Strengthening ASEAN Collaboration in Producing Reference Substance that Comply with International Standards*" pada 19-20 Mac 2024 di Bali, Indonesia. Mesyuarat ini telah diadakan untuk membincangkan perkembangan terkini tentang ARS, termasuk aspek pengurusan dan pengedarannya.

INTERNATIONAL PARTNERSHIP REFERENCE STANDARD & REFERENCE STANDARD PRODUCTION

The ASEAN Reference Substance (ARS) Programme is part of ASEAN's efforts to strengthen regional cooperation in science and technology, particularly in health, pharmaceuticals and food safety. ARS is jointly produced by ASEAN member countries. It is used to ensure that the testing methods applied in laboratories across the ASEAN region provide accurate, consistent and reliable results.

NPRA representing Malaysia in the ARS Working Group, is actively involved in the production of ARS. In 2024, Malaysia contributed to the production of two ARS which are Ascorbic Acid and Omeprazole. Additionally, Malaysia participated in the '16th Meeting on the Production of ASEAN Reference Substances (ARS), with the theme "Strengthening ASEAN Collaboration in Producing Reference Substances that Comply with International Standards", held on 19-20 March 2024 in Bali, Indonesia. The meeting was conducted to discuss the latest developments on ARS, including aspects of its management and distribution.



International Partnership Reference Standard & Reference Standard Production

International Partnership Reference Standard & Reference Standard Production

38TH OECD WORKING PARTY MEETING ON GOOD LABORATORY PRACTICE (GLP), PARIS

OECD Working Party Meeting dijalankan secara tahunan dan bertujuan untuk:

- Membincangkan isu-isu teknikal berkaitan amalan dan pemeriksaan GLP dikalangan negara OECD dan MAD adherents.
- Koordinasi dan pengharmonian polisi serta penetapan polisi-polisi baharu berkaitan amalan dan pemeriksaan GLP negara OECD dan MAD adherents.
- Menjalankan penilaian berkala (on-site assessment) ke atas negara OECD dan MAD adherents setiap sepuluh tahun serta membentangkan hasil penilaian tersebut kepada semua ahli.

Semasa mesyuarat kali ke-38 yang diadakan pada 16-18 April 2024, hasil penilaian (OSE) oleh pasukan penilai OECD ke atas NPRA, KKM dan Jabatan Standard Malaysia, MITI pada Mei 2023 lepas telah dibentangkan untuk pandangan mesyuarat. Wakil dari NPRA iaitu Cik Fadhillah binti Hasbullah serta dua (2) wakil dari JSM telah hadir ke mesyuarat ini untuk menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh ahli mesyuarat berkaitan penilaian OSE Malaysia 2023. Mesyuarat bersetuju untuk memutuskan Malaysia kekal sebagai negara OECD MAD *adherent* berikutan hasil penilaian yang positif terhadap kepatuhan Malaysia bagi sistem MAD dalam *Assessment of Chemicals*.

38TH OECD WORKING PARTY MEETING ON GOOD LABORATORY PRACTICE (GLP), PARIS

The OECD Working Party Meeting is held annually with the aim of:

- *Discussing technical issues related to GLP practices and inspections among OECD countries and Mutual Acceptance of Data (MAD) adherents.*
- *Coordinating and harmonizing policies as well as establishing new policies related to GLP practices and inspections among OECD countries and MAD adherents.*
- *Conducting periodic on-site assessments (OSE) of OECD countries and MAD adherents every ten years and presenting the results of these assessments to all members.*

During the 38th meeting held on 16-18 April 2024, the OSE evaluation results from the OECD assessment team on NPRA, MOH and the Department of Standards Malaysia, MITI conducted in May 2023 were presented for discussion. Representatives from NPRA, namely Ms. Fadhillah binti Hasbullah, along with two (2) representatives from JSM, attended the meeting to respond to any queries raised by the meeting members regarding the Malaysia OSE 2023 evaluation. The meeting agreed to maintain Malaysia's status as an OECD MAD adherent following the positive assessment results on Malaysia's compliance with the MAD system in the Assessment of Chemicals.



38th OECD Working Party Meeting on Good Laboratory Practice (GLP)

38th OECD Working Party Meeting on Good Laboratory Practice (GLP)

LATIHAN SANGKUTAN BERKAITAN *RISK-BASED APPROACH IN PRODUCT QUALITY MONITORING INCLUDING PRODUCT SELECTION, SAMPLING AND TESTING DI THERAPEUTIC GOODS ADMINISTRATION (TGA), AUSTRALIA*

Matlamat program ini adalah bagi mengukuhkan kapasiti pihak berkuasa kebangsaan dalam meningkatkan ketersediaan ubat-ubatan dan peranti perubatan yang selamat dan berkesan melalui penambahbaikan amalan regulatori dan jalinan kerjasama serantau.

Latihan ini telah dikendalikan oleh pasukan RSP dengan kerjasama pegawai-pegawai di TGA daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang luas dalam bidang masing-masing. Latihan ini memberi tumpuan dalam meningkatkan pengetahuan dan mendedahkan pegawai NPRA kepada *legal framework*, *regulatory framework*, polisi regulatori, keperluan regulatori dan proses kerja di TGA terutamanya yang melibatkan pemantauan kualiti produk-produk yang dipasarkan di Australia berdasarkan pendekatan berasaskan risiko. Latihan ini turut menitikberatkan pemahaman terhadap keseluruhan *regulatory framework* yang melibatkan aktiviti pre dan post marketing dalam memastikan akses kepada produk (therapeutic goods) yang berkesan, berkualiti dan selamat secara berterusan. Struktur latihan adalah dalam bentuk penyampaian ceramah beserta pendedahan kepada situasi dan contoh sebenar yang berlaku sepanjang pelaksanaan dan penambahbaikan *legal framework*, *regulatory framework*, polisi regulatori, keperluan regulatori dan proses kerja di TGA, terutama yang melibatkan pelaksanaan pemantauan kualiti produk menggunakan pendekatan berasaskan risiko.

ATTACHMENT TRAINING TO LEARN ABOUT *RISK-BASED APPROACH IN PRODUCT QUALITY MONITORING INCLUDING PRODUCT SELECTION, SAMPLING AND TESTING AT THERAPEUTIC GOODS ADMINISTRATION (TGA), AUSTRALIA*

The objective of this programme is to strengthen the capacity of national regulatory authorities in enhancing the availability of safe and effective medicines and medical devices through improvements in regulatory practices and regional cooperation.

The training was conducted by the RSP team in collaboration with TGA officers from various backgrounds, each possessing extensive experience and knowledge in their respective fields. This training focused on enhancing the knowledge and exposure of NPRA officers to the legal framework, regulatory framework, regulatory policies, regulatory requirements and work processes at TGA, particularly in relation to product quality monitoring in the Australian market using a risk-based approach. Additionally, the training emphasized a comprehensive understanding of the entire regulatory framework, covering pre-and post-marketing activities to ensure continuous access to effective, high quality and safe therapeutic goods. The training structure consisted of lectures along with real-life case studies and practical examples illustrating the implementation and improvement of the legal framework, regulatory framework, regulatory policies, regulatory requirements and work processes at TGA, with a strong focus on risk-based quality monitoring of products.



Latihan Sangkutan *Risk-Based Approach in Product Quality Monitoring*
Training on Risk-Based Approach in Product Quality Monitoring

PMDA-ATC PHARMACEUTICALS REVIEW SEMINAR 2024 FOR PPWG MEMBER STATES

Seminar *PMDA-ATC Pharmaceuticals Review 2024* untuk negara anggota PPWG, yang diadakan pada 11-14 Jun 2024, memberi tumpuan kepada konsep *reliance* dalam membuat keputusan regulatori bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses semakan farmaseutikal. Dianjurkan oleh *Pharmaceuticals and Medical Devices Agency (PMDA)* Jepun, seminar ini menjadi platform bagi pihak berkuasa regulatori untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam menggunakan penilaian yang dijalankan oleh pihak berkuasa regulatori yang dipercayai.

Sepanjang seminar, para peserta mengambil bahagian dalam perbincangan, kajian kes, dan sesi praktikal yang menekankan bagaimana *reliance* dapat mempercepat kelulusan regulatori, mengoptimalkan sumber dan memastikan akses kepada ubat-ubatan secara lebih cepat tanpa menjejaskan keselamatan, keberkesanan atau kualiti. Sesi ini juga menekankan kepentingan kepercayaan bersama, ketelusan dan kerjasama antarabangsa dalam memperkukuh sistem regulatori. Wakil NPRA turut serta secara aktif dalam perbincangan ini, memperoleh pandangan berharga mengenai pelaksanaan pendekatan *reliance* dalam rangka kerja regulatori Malaysia serta mengukuhkan kerjasama dengan rakan serantau dan antarabangsa.

PMDA-ATC PHARMACEUTICALS REVIEW SEMINAR 2024 FOR PPWG MEMBER STATES

The PMDA-ATC Pharmaceuticals Review Seminar 2024 for PPWG member states, held from 11-14 June 2024, focused on the concept of reliance in regulatory decision making to enhance the efficiency and effectiveness of pharmaceutical review processes. Organised by the Pharmaceutical and Medical Devices Agency (PMDA) Japan, the seminar provided a platform for regulators to exchange knowledge and best practices on leveraging assessments conducted by trusted regulatory authorities.

Throughout the seminar, participants engaged in discussions, case studies and practical sessions that highlighted how reliance can streamline regulatory approvals, optimize resources and improve timely access to medicines without compromising safety, efficacy, or quality. The sessions also emphasized the importance of mutual trust, transparency and international collaboration in strengthening regulatory systems. NPRA representatives actively contributed to the discussions, gaining valuable insights into implementing reliance approaches in Malaysia's regulatory framework while reinforcing partnerships with regional and global counterparts.

13TH MEETING OF THE REGIONAL ALLIANCE OF NATIONAL REGULATORY AUTHORITIES FOR MEDICAL PRODUCTS IN THE WESTERN PACIFIC

Mesyuarat ke-13 Perikatan Serantau Pihak Berkuasa Kawal Selia Kebangsaan (NRA) di Rantau Pasifik Barat telah diadakan pada 14-15 Ogos 2024. Sebelum itu, Jawatankuasa Pemandu Perikatan Serantau (RASC) telah bersidang pada 13 Ogos 2024 untuk membincangkan keutamaan kawal selia utama dan inisiatif strategik.

Perikatan Serantau ini terdiri daripada NRA dari seluruh Rantau Pasifik Barat yang komited untuk bekerjasama dan memperkukuh sistem kawal selia bagi memastikan keselamatan, kualiti dan keberkesanan produk perubatan. Melalui kerjasama, kebergantungan dan peraturan yang berkesan, Perikatan ini berusaha untuk meningkatkan kesihatan awam dengan menyelaraskan dan memperbaiki amalan kawal selia.

